

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN JABATAN/
AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI PULAU PINANG
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia

Kandungan

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
	SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI Pengurusan Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat
24	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI Pengurusan Pencegahan Banjir Negeri Pulau Pinang
36	PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG Pengurusan Papan Iklan Luar di Atas Tanah dan Rizab Kerajaan Negeri
56	PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG Invest-In-Penang Berhad
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
77	Pendahuluan
77	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan/Agenzi Negeri
78	Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
78	Objektif Pengauditan
79	Skop dan Metodologi Pengauditan
79	Elemen Utama
92	Penemuan Audit
97	Pengauditan Mengejut
98	Syor Audit
103	PENUTUP

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di empat Jabatan, dua Agensi dan satu syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di sepuluh Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 12 Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. Pengurusan Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat

- a. Program Perumahan Kos Rendah di Negeri Pulau Pinang yang dibangunkan bertujuan untuk menyediakan rumah kediaman mampu dimiliki rakyat yang berpendapatan rendah adalah dari jenis rumah teres dan pangsa. Ia diagihkan mengikut tiga kaedah iaitu jual beli, sewa beli dan sewa. Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah untuk disewa pada kadar RM60 hingga RM220 bagi tempoh tertentu dan Program Perumahan Kos Rendah (KR) adalah untuk disewa beli dan jual beli pada harga maksimum RM42,000 seunit mengikut jenis dan lokasi projek. Manakala, yuran penyenggaraan dikenakan pada kadar RM5 hingga RM30. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus/menyenggara rancangan-rancangan perumahan dan mengendalikan urusan pendaftaran/pengagihan rumah kos rendah melalui Sistem Maklumat Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (e-RUMAH). Setakat bulan Oktober 2016, sebanyak 14,745 unit rumah yang diurus dan di selenggara oleh Bahagian Perumahan bagi rancangan perumahan oleh Kerajaan Negeri telah disiapkan sebelum tempoh pengauditan.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati Program Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, secara keseluruhannya terdapat beberapa kelemahan pengurusan PPR dan KR seperti berikut:
 - i. sebanyak 2,264 hak milik yang telah selesai bayar lewat pengeluaran hak milik;
 - ii. terdapat penyewa/pembeli yang masih menduduki PPR/KR yang mempunyai tunggakan sewa/sewa beli sehingga RM43,748 dan tunggakan penyenggaraan sehingga RM6,240, di mana tempoh tunggakan masing-masingnya antara 280 bulan (23 tahun 4 bulan) dan 312 bulan (26 tahun);
 - iii. wang deposit berjumlah RM213,840 tidak dibayar balik kepada penyewa serta sejumlah RM55,940 deposit tidak dilaraskan ke hasil Kerajaan Negeri; dan

- iv. pelanggaran syarat perjanjian mendiami kediaman PPR/KR seperti menyewakan kediaman kepada orang lain; melakukan pengubahsuaian terhadap premis dan menjalankan perniagaan tanpa kebenaran.
- c. Bagi memastikan pengurusan perumahan kos rendah dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan, pihak Bahagian Perumahan disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah hak milik dengan segera untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan penyewa terpelihara;
 - ii. mengambil tindakan lebih proaktif untuk mengutip tunggakan sewa/sewa beli/penyenggaraan bagi mengurangkan baki tunggakan yang tinggi serta mengambil tindakan pewartaan terhadap akaun-akaun deposit yang tidak sepatutnya disimpan; dan
 - iii. mengambil tindakan tegas terhadap kes-kes pelanggaran syarat serta mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan setiap penghuni mematuhi syarat-syarat, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

2. *Pengurusan Pencegahan Banjir Negeri Pulau Pinang*

- a. Bahagian Pengurusan Banjir, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras program pencegahan banjir yang merangkumi reka bentuk terperinci, pengambilan balik tanah, menaik taraf sistem saliran, membina pintu kawalan pasang surut, membina kolam takungan, melebar dan mendalam sungai, membina ban, pengukuhan tebing, membina lintasan/pembetung dan penyenggaraan rumah pam, kolam takungan banjir, parit monsun dan lain-lain yang berkaitan dengan banjir. Ia juga berperanan untuk menyelesaikan dan mengurangkan masalah banjir terutama di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap dilanda banjir kilat serta kawasan yang tidak mempunyai saliran yang baik. JPSPP juga menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda. Bagi melaksanakan projek pencegahan banjir, pihak JPSPP telah menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri di bawah maksud Pembangunan (P08/51) dan Belanja Mengurus (B08/28). Selain itu, JPSPP juga menerima hasil kutipan caruman saliran dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi membiayai perbelanjaan naik taraf sistem saliran di Negeri Pulau Pinang setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang. Hasil kutipan

caruman saliran tersebut diakaunkan ke dalam Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang (Wang Amanah Saliran).

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2016 mendapati pada keseluruhan Pengurusan Pencegahan Banjir adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan projek bagi 22 daripada 24 projek. Penyenggaraan stesen hidrologi seperti stesen aras air, stesen amaran banjir bersiren, stesen curahan hujan dan stesen tele metrik hujan, parit monsun dan rumah pam serta pengurusan aduan awam juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
 - i. Arahan Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang tidak dipatuhi;
 - ii. tiada kuasa meluluskan baucar;
 - iii. kelewatan menyiapkan projek Permatang Tinggi Pakej 1 dan 2; dan
 - iv. kontrak lewat ditandatangani.
- c. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik Pengurusan Pencegahan Banjir, Pihak Audit mengesyorkan JPSPP dan MPSP mengambil tindakan seperti berikut:
 - i. memastikan semua hasil kutipan dan baki RM22.09 juta Wang Amanah Saliran yang dikutip oleh MPSP perlu diserahkan kepada JPSPP dan semua bayaran perlu disahkan oleh Pegawai Pengawal;
 - ii. JPSPP hendaklah memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut spesifikasi dan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - iii. MPSP perlu memastikan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan;

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

3. Pengurusan Papan Iklan Luar di Atas Tanah dan Rizab Kerajaan Negeri

- a. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) telah mengutip sejumlah RM371,050 Lesen Pendudukan Sementara (LPS) papan iklan manakala sejumlah RM169,000 telah dikutip oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) bagi tempoh 2013 hingga September 2016. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 mendefinisikan papan iklan luar merupakan paparan besar yang mengiklankan barang, aktiviti

atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan. Manakala menurut Undang-undang Kecil Iklan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Tahun 2000, iklan ditafsirkan sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, pertunjukan, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa dinding, papan, bumbung, pagar berpanjang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan, atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau atas mana-mana tanah dan termasuk “tanda langit”. Pemasangan paparan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan awam, kualiti persekitaran dan paparan imej bersesuaian pada kandungan iklan. Pemasangan paparan iklan luar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kelulusan tapak, mempamer dan struktur iklan. Kelulusan tapak di tanah Kerajaan diperoleh daripada Pentadbir Tanah dengan pengeluaran LPS, manakala kelulusan mempamer dan struktur iklan diperoleh daripada PBT.

- b. Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati Pengurusan Papan Iklan Luar di Atas Tanah dan Rizab Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan dan tindakan penambahbaikan hendaklah diambil terhadap kelemahan berikut:
 - i. permohonan LPS iklan dan kelulusan bersyarat lesen pamer lewat diproses;
 - ii. permohonan lesen iklan di atas tanah yang status pemilikannya belum diketahui;
 - iii. LPS diluluskan di atas tanah rizab jalan Persekutuan;
 - iv. pemalsuan resit bayaran LPS iklan;
 - v. bayaran LPS dikecualikan sebelum kelulusan MMK;
 - vi. kelemahan koordinasi antara Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan MBPP; dan
 - vii. struktur papan iklan didirikan tanpa permohonan LPS dan lesen pamer.
- c. Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan papan iklan luar serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, PDT dan MBPP disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:
 - i. memastikan SOP bagi iklan jangka pendek disediakan, tempoh yang ditetapkan dalam memproses permohonan LPS dan lesen pamer dipatuhi, permohonan yang dibuat melalui proses yang ditetapkan dan keseragaman oleh PDT dan MBPP dalam mematuhi arahan yang diberikan;

- ii. mempertingkatkan koordinasi antara PDT dan MBPP bagi memastikan tidak berlaku kes pemalsuan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat iklan yang mendirikan papan iklan tanpa kebenaran yang menyebabkan kehilangan hasil;
- iii. Bahagian Kerajaan Tempatan melalui Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Papan Iklan Di Atas Tanah Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan yang lebih penting dalam menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas paparan iklan luar tanpa kebenaran supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan; dan
- iv. PDT dengan kerjasama pihak-pihak terlibat hendaklah menyelesaikan isu berkaitan status pemilikan tanah yang tidak dikenal pasti seperti persempadanan tanah dan rizab Negeri dan Persekutuan supaya kutipan hasil paparan iklan luar dan tindakan penguatkuasaan dapat dibuat.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4. *Invest-In-Penang Berhad*

- a. Invest-In-Penang Berhad (IPB) telah diperbadankan pada 5 November 2004 di bawah Akta Syarikat 1965. IPB adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI). Sebagai sebuah agensi yang berperanan mempromosi pelaburan bagi Negeri Pulau Pinang, IPB menetapkan objektif penubuhannya adalah untuk mengekal dan merancakkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan meningkatkan aktiviti perniagaan melalui kemasukan pelaburan dalam dan luar negara serta meneroka peluang pelaburan baru. Selain itu, IPB merupakan agensi sehenti (*one stop*) yang membekalkan maklumat terkini mengenai peluang pelaburan dan menfasilitasikan perniagaan dalam setiap peringkat termasuk pelaburan yang baru. Aktiviti utama yang dijalankan oleh IPB adalah bagi menggalakkan kemasukan pelaburan melalui promosi, menyediakan perkhidmatan fasilitasi kepada pelabur serta melaksanakan strategi tidak langsung penggalakan pelaburan melalui *Penang Career Assistance And Talent Centre (Penang CAT)*, *Small And Medium Enterprises Market Advisory Resource And Training (SMART) Centre* serta program *Accelerator For Creative, Analytics And Technology (@CAT)*. Geran tahunan yang diterima bagi tahun 2013 hingga 2016 berjumlah RM5 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2016 mendapati, walaupun IPB mengalami defisit bagi tiga tahun berturut-turut namun prestasi kewangan adalah memuaskan kerana berupaya meneruskan aktiviti Syarikat menggunakan lebihan terkumpul geran Kerajaan yang diterima bagi tahun-

tahun sebelumnya dan masih mempunyai baki terkumpul pada akhir tahun 2015 walaupun jumlahnya berkurangan. Sementara itu, prestasi kemasukan pelaburan serta perkhidmatan fasilitasi adalah baik dan secara keseluruhannya pengurusan aktiviti IPB adalah teratur. Manakala tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan seperti ringkasan berikut:

- i. rumusan pelaksanaan misi ke luar negara tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah;
 - ii. ruang pejabat SMART Centre yang disewa tidak digunakan sepenuhnya. Selain itu, penyewaan ruang duduk *co-working* di bawah program *Accelerator For Creative, Analytics And Technology (@CAT)* kurang mendapat sambutan manakala projek *Creative Animation Triggers* tidak dilaksanakan; dan
 - iii. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan dan pengauditan dalaman tidak dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2016.
- c. Bagi memastikan pengurusan Invest-In-Penang Berhad dapat dipertingkatkan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut diberi perhatian:
- i. mewujudkan kawalan dalaman pengurusan kewangan yang lebih baik dengan membuat semakan semula SOP sedia ada secara berkala; dan
 - ii. Syarikat menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 seperti mewujudkan Jawatankuasa Audit bagi membantu Lembaga Pengarah memantau perjalanan syarikat dengan lebih berkesan.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di sepuluh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 menunjukkan ada peningkatan. Pada tahun 2016, lapan atau 80.0% Jabatan/Agensi memperoleh tahap **Cemerlang** sebagaimana pada tahun 2015. Manakala dua atau 20.0% Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap **Baik** pada tahun 2016, berbanding satu atau 10.0% pada tahap **Baik** dan satu atau 10.0% pada tahap **Tidak Memuaskan** pada tahun 2015. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan cemerlang serta tahap tidak memuaskan kepada kedudukan baik.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti di sepuluh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 menunjukkan ada peningkatan. Pada tahun 2016, lapan atau 80.0% Jabatan/Agensi memperoleh tahap **Cemerlang** sebagaimana pada tahun 2015. Manakala dua atau 20.0% Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap **Baik** pada tahun 2016, berbanding satu atau 10.0% pada tahap **Baik** dan satu atau 10.0% pada tahap **Tidak Memuaskan** pada tahun 2015. Keadaan ini juga menunjukkan Jabatan/Agensi telah mengambil tindakan proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing daripada kedudukan baik kepada kedudukan cemerlang serta tahap tidak memuaskan kepada kedudukan baik.

Bahagian I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PENGURUSAN PERUMAHAN KOS RENDAH DAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Program Perumahan Kos Rendah di Negeri Pulau Pinang yang dibangunkan bertujuan untuk menyediakan rumah kediaman mampu dimiliki rakyat yang berpendapatan rendah adalah dari jenis rumah teres dan pangsa. Ia diagihkan mengikut tiga kaedah iaitu jual beli, sewa beli dan sewa. Projek Perumahan Rakyat (PPR) adalah untuk disewa pada kadar RM60 hingga RM220 bagi tempoh tertentu dan Program Perumahan Kos Rendah (KR) adalah untuk disewa beli dan jual beli pada harga maksimum RM42,000 seunit mengikut jenis dan lokasi projek. Manakala, yuran penyenggaraan dikenakan pada kadar RM5 hingga RM30.

1.1.2. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Bahagian Perumahan) telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus/menyenggara rancangan-rancangan perumahan dan mengendalikan urusan pendaftaran/pengagihan rumah kos rendah melalui Sistem Maklumat Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (e-RUMAH). Setakat bulan Oktober 2016, sebanyak 14,745 unit rumah yang diurus dan di selenggara oleh Bahagian Perumahan bagi rancangan perumahan oleh Kerajaan Negeri telah disiapkan sebelum tempoh pengauditan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.1
BILANGAN RUMAH KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT KATEGORI SEHINGGA BULAN OKTOBER TAHUN 2016**

BIL.	KATEGORI RUMAH	KAEDAH	JUMLAH
1.	PPR	Sewa	3,017
2.	KR	Sewa beli	10,380
3.	KR	Jual beli	1,348
JUMLAH			14,745

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pendaftaran dan pemilihan pemohon serta pengagihan rumah KR dan PPR bagi projek-projek Kerajaan Negeri dan pemaju swasta bagi tempoh tahun 2014 sehingga bulan Oktober 2016 di Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, laporan, minit mesyuarat dan dokumen perjanjian dibuat secara sampel bagi menentukan sama ada Program Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat telah dilaksanakan dengan teratur. Analisis juga telah dilaksanakan terhadap data-data aplikasi Sistem Maklumat Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (e-RUMAH). Lawatan dan temu bual dengan pegawai-pegawai Bahagian Perumahan serta penghuni turut diadakan.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati Program Perumahan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, secara keseluruhannya terdapat beberapa kelemahan pengurusan PPR dan KR seperti berikut:

- i. sebanyak 2,264 hak milik yang telah selesai bayar lewat pengeluaran hak milik;
- ii. terdapat penyewa/pembeli yang masih menduduki PPR/KR yang mempunyai tunggakan sewa/sewa beli sehingga RM43,748 dan tunggakan penyenggaraan sehingga RM6,240, di mana tempoh tunggakan masing-masingnya antara 280 bulan (23 tahun 4 bulan) dan 312 bulan (26 tahun);
- iii. wang deposit berjumlah RM213,840 tidak dibayar balik kepada penyewa serta sejumlah RM55,940 deposit tidak dilaraskan ke hasil Kerajaan Negeri; dan
- iv. pelanggaran syarat perjanjian mendiami kediaman PPR/KR seperti menyewakan kediaman kepada orang lain; melakukan pengubahsuaian terhadap premis dan menjalankan perniagaan tanpa kebenaran.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Bahagian Perumahan telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 27 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Permohonan dan Agihan

- a. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016, seramai 18,442 orang telah mendaftar untuk rumah KR, manakala seramai 1,579 pemohon pula mendaftar untuk

permohonan rumah PPR. Ini menjadikan bilangan permohonan keseluruhan bagi rumah KR dan PPR masing-masing sehingga tahun 2016 adalah seramai 30,861 dan 5,138 pemohon. Daripada jumlah tersebut, hanya 18,931 (61.3%) pemohon telah ditawarkan rumah KR dan seramai 195 (3.8%) pemohon yang ditawarkan rumah PPR. Ini disebabkan antaranya oleh jumlah unit rumah kos rendah yang dibekalkan oleh pemaju adalah terhad serta masalah kegagalan mendapatkan pembiayaan dari pihak bank. Butiran permohonan dan pengagihan rumah KR dan PPR bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.2
PERMOHONAN DAN PENGAGIHAN
RUMAH KR DAN PPR BAGI TEMPOH TAHUN 2013 SEHINGGA 2016**

TAHUN	BAKI PERMOHONAN AWAL TAHUN (A)		PERMOHONAN BARU (B)		JUMLAH YANG DITAWARKAN RUMAH (C)		BAKI PERMOHONAN AKHIR TAHUN (A+B)-C	
	KR	PPR	KR	PPR	KR	PPR	KR	PPR
2013	12,419	3,559	4,137	685	2,753	0	13,803	4,244
2014	13,803	4,244	4,336	218	5,650	2	12,489	4,460
2015	12,489	4,460	7,028	259	7,213	26	12,304	4,693
2016	12,304	4,693	2,941	417	3,315	167	11,930	4,943
JUMLAH		18,442	1,579	18,931	195			

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Nota:
 1. Baki permohonan KR = $12,419 + 18,442 = 30,861$
 2. Baki permohonan PPR = $3,559 + 1,579 = 5,138$

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati seramai 490 pemohon rumah KR dan 666 pemohon rumah PPR masih belum mendapat rumah walaupun telah mendaftar permohonan melebihi 15 tahun. Ini antaranya disebabkan oleh kelemahan proses migrasi data pemohon daripada sistem lama kepada sistem baru. Pihak Audit juga mendapati tiada perancangan untuk pembangunan projek perumahan yang baru walaupun Akaun Amanah Pelbagai Bagi Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah mempunyai baki yang tinggi. Sehingga bulan Ogos 2016, Akaun Amanah ini mempunyai baki sejumlah RM121.99 juta dan terimaan sejak tahun 2013 tidak dibelanjakan.
- c. Berdasarkan laporan tunggakan sehingga bulan Oktober 2016, terdapat sebanyak 2,950 unit rumah di PPR Ampang Jajar, PPR Desa Wawasan, PPR Taman Bagan Jaya, PPR Taman Manggis, PPR Pangsapuri Pelangi dan PPR Padang Tembak. Daripada jumlah ini, sebanyak 436 (14.8%) masih kosong sungguhpun sebanyak 3,747 permohonan bagi enam rancangan perumahan masih dalam senarai menunggu rumah PPR. Butirannya seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.3
BILANGAN UNIT RUMAH PPR
DAN SENARAI MENUNGGU MENGIKUT PILIHAN PERTAMA

BIL.	RANCANGAN PERUMAHAN	JUMLAH KESELURUHAN UNIT	DIISI	KOSONG	PEMOHON DALAM SENARAI MENUNGGU
1.	PPR Ampang Jajar	760	676	84	1,321
2.	PPR Desa Wawasan	912	653	259	410
3.	PPR Taman Bagan Jaya	383	381	2	594
4.	PPR Jalan Zainal Abidin/Lorong Selamat/ Taman Manggis	321	314	7	1,189
5.	PPR Pangaspuri Pelangi	50	47	3	61
6.	PPR Padang Tembak	524	443	81	172
JUMLAH		2,950	2,514	436	3,747

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Kerajaan Negeri telah merancang dan melaksanakan pemajuan sejumlah 9,175 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah di tanah milik Kerajaan melalui kaedah penswastaan, meluluskan dasar peluasan kawasan pemajuan di Daerah Timur Laut (DTL) hingga ke Mukim 9,10 dan 11 Daerah Barat Daya (DBD) susulan keluasan tanah yang sangat terhad dan menggalakkan para pemaju membina lebih banyak rumah dengan menetapkan kadar sumbangan gantian pembinaan dinaikkan. Kerajaan Negeri juga menetapkan sasaran penyediaan sejumlah 26,255 unit rumah pelbagai kategori untuk rakyat Pulau Pinang menjelang tahun 2025.

Usaha kini sedang dijalankan untuk mengemas kini data (data cleaning) nama penghuni dalam senarai menunggu PPR yang bertindih. Perancangan bagi menggunakan wang di dalam akaun amanah berkenaan adalah bergantung kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

Bagi PPR Ampang Jajar, 50 unit diperuntukkan bagi pemindahan penduduk daripada Blok 3 Mak Mandin yang sedang menjalani kerja pembaikan manakala Bahagian Perumahan telah menjalankan sesi temu duga pada Disember 2016 untuk mengisi baki 34 unit kosong. Sesi temu duga juga telah diadakan di PPR Desa Wawasan pada 16 dan 17 Mac 2016 serta 13 dan 14 April 2016 untuk pengisian 259 unit kosong. Pengisian penghuni PPR Taman Bagan Jaya juga sedang dilaksanakan. Lima unit PPR Jalan Zainal Abidin telah ditawarkan manakala dua unit dikhatusukan untuk Unit Bencana. Bagi PPR Taman Pelangi, satu unit telah ditawarkan manakala dua unit diperuntukkan untuk Unit Bencana. Bagi PPR Padang Tembak, 56 unit telah ditawarkan, manakala baki 25 unit tidak dapat diisi sehingga kerja-kerja pembaikan struktur dibuat.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengagihan rumah adalah kurang memuaskan kerana kegagalan menawarkan sebahagian unit rumah menyebabkan kehilangan hasil sewa kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, tindakan yang perlahan dari segi proses pengisian unit yang kosong walaupun terdapat pemohon dalam senarai menunggu.

1.5.2. Pematuhan Terhadap Syarat Permohonan

Mengikut syarat kelayakan permohonan rumah KR, pendapatan suami dan isteri hendaklah tidak melebihi RM2,500. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, semakan Audit mendapati seramai 208 pemohon yang berpendapatan melebihi RM2,500 telah menerima rumah kos rendah, di mana pendapatan antara RM2,501 hingga RM3,500 mencatatkan bilangan kelulusan tertinggi iaitu 162 (77.9%) pemohon. Bagi tempoh yang sama, didapati sebanyak 4 kes permohonan yang diluluskan melibatkan pemohon yang mempunyai pendapatan melebihi RM8,500. Pihak Audit dimaklumkan ia disebabkan keutamaan kepada setinggan; pemohon merupakan ibu/bapa tunggal/orang kelainan upaya; kes rayuan yang dipertimbangkan dan pemohon telah mengemas kini data pendapatan terkini.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat permohonan adalah tidak memuaskan kerana pemohon yang layak masih menunggu lama untuk mendapatkan rumah.

1.5.3. Pengurusan Pengeluaran Hak Milik

Mengikut perjanjian sewa beli dan jual beli KR, Bahagian Perumahan hendaklah dengan seberapa segera menukar hak milik kepada penghuni sekiranya semua bayaran dan tanggungan yang dikenakan telah diselesaikan. Sijil Perakuan akan dikeluarkan kepada penghuni bagi mengesahkan semua bayaran sewa beli atau jual beli telah diterima. Selain itu, Notis Pemberitahuan Berkennaan Surat Hak Milik juga dikeluarkan kepada penghuni bagi menuntut bayaran premium tanah (jika berkenaan) dan bayaran lain untuk tujuan penyediaan surat hak milik. Proses pindah milik kepada penghuni akan dilaksanakan sekiranya bayaran tersebut dijelaskan dan strata diserahkan kepada semua pemilik rumah. Seterusnya, Bahagian Perumahan boleh melantik Pengurusan Perbadanan Swasta (MC) untuk menguruskan rumah pangsa tersebut. Berikut adalah beberapa kelemahan dalam pengurusan pengeluaran hak milik:

1.5.3.1. Kelewatan Penyerahan Hak Milik

Semakan Audit mendapati sebanyak 3,861 penghuni di 12 rancangan perumahan telah menyelesaikan keseluruhan bayaran sehingga bulan Disember

2016. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,193 penghuni telah menuntut hak milik manakala 1,668 penghuni masih belum menuntut walaupun telah menyelesaikan bayaran seperti di jadual. Sepatutnya hak milik telah diserahkan kepada pemilik rumah kerana terdapat bayaran telah diselesaikan melebihi 25 tahun.

**JADUAL 1.4
PENGELUARAN HAK MILIK SEHINGGA BULAN DISEMBER 2016**

BIL.	RANCANGAN PERUMAHAN	BILANGAN				
		UNIT	UNIT ADA TUNGGAKAN BAYARAN	UNIT SELESAI BAYARAN	HAK MILIK TELAH DISERAHKAN	HAK MILIK BELUM DISERAHKAN
1.	Padang Tembak (Blok A, B & C)	1,222	6	1,216	1,096	120
2.	Kampung Melayu (Blok A & B)	963	1	962	219	743
3.	Paya Terubung (Blok A & B)	79	5	74	36	38
4.	Mak Mandin Hijau	200	11	189	81	108
5.	Jalan Tuna, Seberang Jaya	304	42	262	124	138
6.	Kuala Muda I & II	50	4	46	33	13
7.	Jalan Mohd Saad (Pangsa)	312	46	266	124	142
8.	Taman Tun Dr Awang	381	15	366	201	165
9.	Jawi 1	268	3	265	185	80
10.	Jawi 2	128	10	118	62	56
11.	Jawi 3	156	80	76	18	58
12.	Nibong Tebal	44	23	21	14	7
JUMLAH		4,107	246	3,861	2,193	1,668

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

1.5.3.2. Hak Milik Telah Dituntut Tetapi Bayaran Belum Selesai

Semakan Audit mendapati seramai 14 penghuni di empat rancangan perumahan telah menuntut hak milik masing-masing daripada Bahagian Perumahan walaupun masih mempunyai tunggakan sewa beli sejumlah RM51,408 antara satu hingga 64 bulan (5 tahun 4 bulan) seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.5
BILANGAN UNIT RUMAH YANG TELAH MENUNTUT HAK MILIK WALAUPUN MASIH MEMPUNYAI TUNGGAKAN**

BIL.	NO. RUMAH	RANCANGAN PERUMAHAN	BAKI TUNGGAKAN (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)
1.	B1-6	Padang Tembak (Blok A, B dan C)	298	11
2.	C5-9		407	15
3.	C6-21		217	8
4.	C17-19		379	14
5.	A4-3-04	Jalan Tuna, Seberang Jaya	2,444	16
6.	A4-3-05		7,354	47
7.	1338 (KM1)	Kuala Muda I & II	1,195	20

BIL.	NO. RUMAH	RANCANGAN PERUMAHAN	BAKI TUNGGAKAN (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)
8.	1-02	Nibong Tebal	7,482	48
9.	3-01		3,952	25
10.	3-02		7,366	47
11.	4-04		2,312	15
12.	4-11		7,868	50
13.	4-16		156	1
14.	4-18		9,978	64
JUMLAH			51,408	

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

1.5.3.3. Hak Milik Belum Dikeluarkan

Pihak Audit mendapati sebanyak 2,375 unit masih belum dikeluarkan hak milik kepada penghuni walaupun seramai 2,264 penghuni telah menyelesaikan bayaran di lima rancangan perumahan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.6
RUMAH KOS RENDAH YANG MASIH TIADA HAK MILIK**

BIL.	RANCANGAN PERUMAHAN	BILANGAN RUMAH YANG ADA/BILANGAN RUMAH TIADA HAK MILIK	BILANGAN UNIT TELAH SELESAI BAYARAN
1.	Taman Tun Sardon I	184	172
2.	Taman Tun Sardon II	920	878
3.	Taman Free School	651	642
4.	Mak Mandin Lama	220	220
5.	Mak Mandin I	400	352
JUMLAH		2,375	2,264

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Daripada 14 unit yang disenaraikan, lima daripadanya telah dipindah milik ke atas nama penghuni. Bermula pada tahun 2017, Bahagian Perumahan sedang dalam usaha untuk mengumpulkan semula hakmilik-hakmilik strata di atas nama State Secretary Penang yang masih berada dalam simpanan firma guaman.

Kerajaan Negeri pada masa ini sedang menguruskan proses pengeluaran hakmilik strata berdasarkan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] untuk 2,375 unit rumah. Jawatankuasa Penyelarasan yang memantau urusan ini dipengerusikan sendiri oleh YB Exco Perumahan, dan turut dianggotai pegawai-pegawai daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), perunding jurukur dan arkitek yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Jawatankuasa ini telah berjaya menyelesaikan urusan pengeluaran hakmilik bagi Rumah Pangsa

Batu Lanchang pada Mei 2015, Taman Tun Sardon Fasa III pada September 2016 dan Taman Tun Sardon Peralihan pada Disember 2016.

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran hak milik adalah kurang memuaskan kerana tindakan Bahagian Perumahan adalah terlalu perlahan.

1.5.4. Pengurusan Kutipan dan Tunggakan

- Arahan Perbendaharaan (AP) 89A menyatakan, Pegawai Pengawal hendaklah menyenggara dan melaporkan tunggakan dan menjadi tanggungjawab semua pemungut dan Pegawai Pengawal mengambil tindakan untuk memungut semua tunggakan. Sekiranya terdapat hutang lapuk untuk dihapus kira, tindakan hendaklah diambil selaras dengan AP 328. Semakan Audit mendapati tunggakan sewa/sewa beli/penyenggaraan menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.17 juta (22.7%) iaitu sejumlah RM13.97 juta pada tahun 2013 kepada RM17.14 juta sehingga bulan Oktober 2016. Analisis Audit bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Oktober 2016 mendapati tunggakan sewa meningkat sebanyak 66.6% daripada RM4.70 juta kepada RM7.83 juta. Manakala, bagi tunggakan sewa beli pula menurun sebanyak 11.8% daripada RM5.35 juta kepada RM4.72 juta dan tunggakan penyenggaraan pula meningkat sebanyak 17.1% daripada RM3.92 juta kepada RM4.59 juta. Secara keseluruhannya terdapat peningkatan peratusan terhadap tunggakan sewa/sewa beli/penyenggaraan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.7
TUNGGAKAN SEWA DAN SEWA BELI BAGI
LIMA ZON DARI TAHUN 2013 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016**

TAHUN	BAKI TUNGGAKAN				PERATUS PENINGKATAN (%)
	SEWA * (RM Juta)	SEWA BELI (RM Juta)	PENYENGGARAAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	
2013	4.70	5.35	3.92	13.97	7.0
2014	5.34	5.05	4.14	14.53	4.0
2015	5.96	4.91	4.32	15.19	4.5
Okt 2016	7.83	4.72	4.59	17.14	12.8

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Nota: * - Tunggakan Sewa Termasuk Sewa Kedai.

- Berdasarkan semakan rekod, terdapat penyewa/pembeli yang masih menduduki rumah PPR/KR yang mempunyai tunggakan sewa/sewa beli sehingga RM43,748 dan tunggakan penyenggaraan sehingga RM6,240 yang meliputi tempoh tunggakan masing-masingnya antara 280 bulan (23 tahun 4 bulan) dan 312 bulan (26 tahun). Pengumuran tunggakan sewa, sewa beli dan penyenggaraan sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.8
PENGUMURAN TUNGGAKAN
SEWA DAN PENYENGGARAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

TEMPOH (BULAN)	SEWA DAN SEWA BELI		PENYENGGARAAN	
	BIL. UNIT	JUMLAH (RM)	BIL. UNIT	JUMLAH (RM)
1 - 12	1,222	493,184	3,273	379,236
13 - 24	360	689,177	759	297,659
25 - 36	282	970,242	441	303,158
37 Ke Atas	1,164	10,400,260	1,809	3,666,909
JUMLAH	3,028	12,552,863	6,282	4,646,962

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- c. Analisis Audit selanjutnya terhadap tunggakan sewa rumah PPR bagi 2,900 unit rumah mendapati terdapat peningkatan sejumlah RM2.85 juta (58.3%) dari tahun 2013 sehingga bulan Oktober 2016 melibatkan tempoh tunggakan antara satu hingga 186 bulan (15 tahun 6 bulan) seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.9
TUNGGAKAN SEWA RUMAH PPR
BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016

BIL.	RUMAH PPR	UNIT RUMAH	TUNGGAKAN SEWA				TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)
			2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	SETAKAT OKTOBER 2016 (RM)	
1.	Ampang Jajar	760	1,355,500	1,653,200	1,901,150	2,142,150	1 hingga 104
2.	Desa Wawasan	912	1,186,050	1,307,550	1,466,650	1,597,650	1 hingga 177
3.	Taman Bagan Jaya	383	1,101,740	1,057,700	1,219,600	1,362,600	1 hingga 126
4.	Taman Manggis	321	261,888	202,400	217,800	186,660	1 hingga 67
5.	Padang Tembak	524	980,255	1,017,925	1,061,985	2,445,707	1 hingga 186
JUMLAH		2,900	4,885,433	5,238,775	5,867,185	7,734,767	

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- d. Mengikut Perjanjian Penyewaan Tahun 1999, penyewa bersetuju dan membenarkan Kerajaan Negeri menyita rumah penyewa bagi tujuan mendapatkan semula sewa tertunggak sekiranya penyewa gagal membayar mana-mana sewa tersebut selama tiga bulan berturut-turut. Manakala berdasarkan Perjanjian Penyewaan Tahun 2008, tempoh sewaan rumah PPR adalah selama dua tahun dan penyewa yang ingin menyambung atau memperbaharui perjanjian tersebut boleh memberi notis tiga bulan sebelum tempoh penyewaan tamat. Semakan Audit mendapati 731 (29.6%) daripada 2,467 penyewa yang mempunyai tunggakan sewa antara 25 hingga 186 bulan (15 tahun 6 bulan). Ini berpunca daripada ketidakmampuan penghuni untuk

menjelaskan sewa dan sewa beli, orang kurang upaya, waris enggan membayar tunggakan setelah pemilik asal meninggal dunia dan penghuni lari dari rumah serta penguatkuasaan yang lemah. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.10
TUNGGAKAN SEWA MELEBIH 24 BULAN
YANG MASIH MENDUDUKI SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016**

BIL.	RUMAH PPR	RUMAH PPR YANG DIISI	PENYEWA YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN > 3 BULAN	TEMPOH TUNGGAKAN (BULAN)
1.	Ampang Jajar	676	249	25 hingga 104
2.	Desa Wawasan	653	180	25 hingga 178
3.	Taman Bagan Jaya	381	180	25 hingga 126
4.	Taman Manggis	314	20	25 hingga 67
5.	Padang Tembak	443	102	25 hingga 186
JUMLAH		2,467	731	

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Setiap Pejabat Rancangan Perumahan telah diarahkan supaya mengadakan lawatan sekurang-kurangnya sepuluh unit bertunggakan tinggi setiap bulan. Kes-kes melibatkan penyewa yang dikenal pasti memerlukan bantuan akan dipanjangkan kepada agensi pemberi bantuan seperti Zakat Pulau Pinang, Agenda Ekonomi Saksama (AES) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, Jawatankuasa Penyelarasan Tindakan Penguatkuasaan ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan bertindak sebagai platform membentangkan kes-kes rayuan untuk pertimbangan bayaran tunggakan secara ansuran. Bahagian Perumahan juga menganjurkan program penyerahan bantuan bagi menyelesaikan tunggakan melalui jalinan kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Program yang dikenali sebagai Baiti Jannati melibatkan 11 orang penyewa contohnya berjaya menyelesaikan tunggakan berjumlah RM165,898. Dari aspek penguatkuasaan, Bahagian Perumahan telah menyerahkan sejumlah 18,884 notis kepada penghuni-penghuni bertunggakan sewa dan penyelenggaraan sepanjang tahun 2013 sehingga 2016. Pada bulan Disember 2016, Bahagian Perumahan telah menjalankan operasi pengosongan unit melibatkan 18 unit rumah sewa kerajaan di Padang Tembak serta membuka Kaunter Kutipan pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan di Rancangan-rancangan Perumahan yang tidak mempunyai kaunter bayaran.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan dan tunggakan adalah tidak memuaskan. Bahagian Perumahan perlu mengambil langkah lebih drastik untuk mengutip balik tunggakan supaya baki tunggakan tidak terus meningkat.

1.5.5. Pengurusan Akaun Deposit

Deposit adalah wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dipulangkan sebaik sahaja selesai maksudnya. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 162, jika tiada sebab-sebab khas pada sebaliknya, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa tiga bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikreditkan kepada hasil. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.5.5.1. Wang Deposit Tidak Dituntut

Semakan Audit terhadap senarai deposit sehingga bulan Oktober 2016 yang dikemukakan mendapati wang deposit bagi 1,016 akaun deposit yang berjumlah RM213,840 tidak dituntut atau dibayar balik kepada penyewa yang tidak mendiami rumah PPR antara satu hingga sepuluh tahun seperti di jadual. Di samping itu, tiada tindakan pewartaan oleh Bahagian Perumahan.

**JADUAL 1.11
WANG DEPOSIT
TIDAK DITUNTUT/DIPULANGKAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016**

BIL.	RUMAH PPR	TEMPOH PEGANGAN DEPOSIT (TAHUN)	AKAUN TERLIBAT	WANG DEPOSIT TIDAK DIPULANGKAN (RM)
1.	Ampang Jajar	Tiada	6	1,600
2.	Desa Wawasan	> 10 Tahun	878	178,200
3.	Taman Bagan Jaya	Tiada	56	14,488
4.	Taman Manggis	Tiada	66	17,672
5.	Padang Tembak	> 3 Tahun	10	1,880
JUMLAH			1,016	213,840

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

1.5.5.2. Wang Deposit Tidak Dilaraskan ke Hasil

Sehingga bulan Oktober 2016, pihak Audit mendapati sebanyak 239 akaun deposit yang berjumlah RM55,940 tidak dilaraskan ke hasil Kerajaan Negeri. Baki deposit bagi penyewa rumah PPR yang mempunyai tunggakan dan tidak menduduki di rumah tersebut perlu dilaraskan dengan baki tunggakan serta dimasukkan sebagai hasil Kerajaan Negeri. Kegagalan memindahkan wang deposit ke hasil mengakibatkan hasil Kerajaan Negeri kurang dinyatakan. Wang deposit tidak dilaraskan ke hasil adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.12
WANG DEPOSIT TIDAK DILARASKAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016

BIL.	RUMAH PPR	AKAUN DEPOSIT (BIL)	WANG DEPOSIT TIDAK DILARASKAN (RM)
1.	Ampang Jajar	156	38,300
2.	Desa Wawasan	52	11,100
3.	Taman Manggis	10	2,680
4.	Padang Tembak	21	3,860
JUMLAH		239	55,940

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

1.5.5.3. Wang Deposit Tidak Kutip

Mengikut Perjanjian Penyewaan Rumah PPR setiap penyewa rumah PPR perlu membayar dua bulan sewa rumah sebagai deposit untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap senarai pendeposit sehingga bulan Oktober 2016 mendapati 94 (6.4%) daripada 1,477 penyewa tidak dikutip wang deposit daripada penyewa yang berjumlah RM15,628 dan butirannya seperti di jadual. Semakan lanjut mendapati penyewa yang telah lama menduduki rumah PPR tetapi tidak membayar wang pertaruhan/deposit sejak tahun 2001.

JADUAL 1.13
WANG DEPOSIT TIDAK DITUNTUT/DIPULANGKAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2016

BIL.	RUMAH PPR	RUMAH PPR YANG DIISI	PENYEWA GAGAL MEMBAYAR DEPOSIT	ANGGARAN WANG DEPOSIT TIDAK DIKUTIP (RM)
1.	Desa Wawasan	653	8	1,600
2.	Taman Bagan Jaya	381	6	1,488
3.	Padang Tembak	443	80	12,540
JUMLAH		1,477	94	15,628

Sumber: Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Usaha untuk menarik balik deposit bagi menjelaskan tunggakan penyewa telah dimulakan sejak tahun 2016 susulan keputusan Mesyuarat Bahagian Perumahan Bil.1/2016 bertarikh 13 Januari 2016. Tindakan membuat jurnal pelarasan untuk mengkreditkan akaun deposit ke akaun sewa juga sedang dilaksanakan oleh setiap Rancangan Perumahan yang terlibat. Permohonan pewartaan akan dikemukakan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang (PUNPP) sebelum 31 Mac 2017. Deposit bagi tiga unit rumah di PPR Taman Manggis dan 248 unit di Rumah Sewa Padang Tembak telah dikutip menggunakan kod lama iaitu 71934, 71936 dan 71857. Manakala deposit bagi 12 unit rumah di PPR Desa Wawasan dan enam unit di PPR

Taman Bagan Jaya tidak dikutip memandangkan pengisian adalah untuk mangsa-mangsa bencana.

Pada pendapat Audit, pengurusan akaun deposit tidak memuaskan kerana wang deposit tidak dipulangkan sejak tahun 2007 dan tidak dilaraskan ke akaun hasil untuk mengurangkan baki tertunggak.

1.5.6. Pelanggaran Syarat Perjanjian

a. Perjanjian sewa rumah PPR menetapkan bahawa penyewa tidak boleh melepaskan, menyewakan atau menyewakecilkan premis ataupun memasuki apa-apa perjanjian atau apa-apa perkiraan ke atas premis dengan mana-mana orang atau entiti tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Perumahan. Manakala, perjanjian sewa beli rumah KR menyatakan pembeli hendaklah bersetuju mematuhi terma dan syarat perjanjian supaya tidak memberarkan mana-mana pihak selain dari pembeli dan tanggungannya menduduki rumah yang dibeli. Berdasarkan lawatan Audit dan semakan rekod, terdapat 39 unit rumah tidak diduduki oleh penghuni/penyewa asal tetapi telah disewakan. Selain itu, rumah yang disewakan juga mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM222,910 dan penyenggaraan berjumlah RM30,745.

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Tindakan penguatkuasaan sentiasa dijalankan khasnya setelah kesalahan tersebut dapat dibuktikan atau dilaporkan oleh pihak pengurusan rancangan perumahan atau pun penduduk setempat.

b. Mengikut perjanjian sewa dan sewa beli rumah PPR dan KR, penyewa tidak boleh meletakkan apa-apa benda di tempat atau laluan kegunaan bersama yang boleh menghalang atau membahayakan orang lain. Hasil lawatan di kawasan perumahan PPR dan KR mendapati laluan kaki lima, tangga, pintu sesalur elektrik dan pintu sesalur pancur basah terhalang/tidak bebas bagi laluan kegunaan bersama di tujuh rumah KR /PPR yang dilawati. Perabot dan peralatan rosak juga tidak dibuang di tempat yang disediakan. Selain itu, kenderaan seperti motosikal juga dibawa naik ke unit rumah oleh penghuni menggunakan lif di PPR Ampang Jajar. Laluan yang terhalang menyukarkan kerja-kerja menyelamat oleh anggota keselamatan seperti pasukan bomba dan paramedik sekiranya berlaku kecemasan. Keadaan ini berlaku kerana sikap tidak mengendahkan keselamatan, kebersihan dan keselesaan penghuni-penghuni lain oleh penghuni yang terlibat. Butirannya seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.1



KR Taman Tun Dr Awang
- Barang yang Diletakkan Menghalang Laluan
(13.12.2016)

GAMBAR 1.2



PPR Ampang Jajar
- Motosikal Dibawa Naik ke Tingkat Atas
Menggunakan Lif
(08.11.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Bahagian Perumahan mengambil pendekatan seperti mengeluarkan arahan kepada penyelia-penyeilia bangunan supaya memberi teguran secara berhemah terlebih dahulu kepada penyewa-penyewa yang dikesan melakukan kesalahan meletakkan objek di laluan guna sama, mengeluarkan notis langgar syarat kepada penyewa yang masih ingkar. Pada tahun 2016, sejumlah 44 notis telah dikeluarkan dan bekerjasama dengan wakil penduduk menganjurkan program gotong-royong bagi mengalihkan halangan dan membersihkan laluan guna sama.

- c. Perjanjian sewa dan sewa beli rumah PPR dan KR telah menetapkan supaya penghuni tidak dibenarkan membuat perubahan, pindaan serta pengubahsuaian terhadap apa-apa struktur ataupun perubahan yang besar pada premis tersebut atau sebahagian daripadanya. Lawatan Audit mendapati terdapat pengubahsuaian struktur bangunan di tiga rumah KR yang dilawati. Pengubahsuaian yang melibatkan penutupan longkang contohnya boleh menyebabkan longkang tersumbat dan menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan dijalankan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati binaan parkir telah dibuat oleh penghuni di Rumah Pangsa Nibong Tebal. Parkir yang dibina telah menghalang penggunaan paip bomba sekiranya berlaku kebakaran. Butirannya seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.3



KR Taman Tun Sardon
- Pengubahsuaian Struktur Bangunan
(17.11.2016)

GAMBAR 1.4



KR Rumah Pangsa Nibong Tebal
- Binaan Parkir Tanpa Kebenaran
Menghalang Paip Bomba
(20.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Bahagian Perumahan telah mengambil inisiatif mengeluarkan notis-notis langgar syarat kepada pemilik unit yang telah membuat pengubahsuaian tanpa kebenaran. Selain itu, Bahagian Perumahan selanjutnya akan merujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras Tindakan Penguatkuasaan yang dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan bagi merangka langkah susulan sewajarnya.

- d. Mengikut perjanjian sewa beli rumah KR, sebarang perniagaan tidak boleh dijalankan di kawasan perumahan tanpa kebenaran Bahagian Perumahan. Lawatan Audit mendapati aktiviti perniagaan dijalankan di Taman Free School dan Taman Tun Sardon. Selain itu, perniagaan yang dijalankan di Padang Tembak menghalang laluan kenderaan keluar masuk seperti di gambar. Perkara ini pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

GAMBAR 1.5



KR Taman Free School
- Aktiviti Perniagaan Tanpa Kebenaran
(17.11.2016)

GAMBAR 1.6



KR Padang Tembak
- Aktiviti Perniagaan Tanpa Kebenaran Menghalang
Laluan Kenderaan Keluar Masuk
(08.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Amaran dan Notis Langgar Syarat telah dikeluarkan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di rancangan perumahan Taman Free School dan Taman Tun Sardon.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap penghuni yang melanggar syarat perjanjian masih belum dibuat dengan berkesan.

1.5.7. Kualiti dan Pelaksanaan Kerja Kurang Memuaskan

- a. Projek atau kerja-kerja pembaikan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan serta dilaksanakan dengan berkualiti, kemas, sempurna dan mencapai piawaian yang telah ditetapkan. Pengesahan kesempurnaan projek atau kerja hendaklah dilakukan bagi memastikan projek atau kerja terbabit dapat digunakan dengan selamat dan selesa. Butiran penemuan Audit terhadap kelemahan pelaksanaan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.14
KUALITI DAN PELAKSANAAN KERJA KURANG MEMUASKAN

LOKASI	TARIKH SIAP	BUTIRAN KERJA	KETERANGAN
Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad	30.08.2016	Kerja Menaik Taraf Taman Permainan Kanak-kanak (RM36,200)	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja yang dilakukan kurang sempurna dan kemas seperti tanah tidak rata dan pasir memasuki longkang. (Gambar 1.7 dan 1.8)
Taman Tun Dr. Awang	28.08.2016	Kerja-kerja Pengubahsuaian Dewan Orang Ramai (RM51,038)	<ul style="list-style-type: none"> • Penyerapan air berlaku pada bahagian dinding dewan. • Dewan digunakan oleh kontraktor yang menjalankan kerja mengecat bangunan sebagai tempat tinggal dan stor barang-barang kerja mengecat. (Gambar 1.10)
PPR Desa Wawasan	07.09.2016	Kerja-kerja Menurap Semula Tar Yang Rosak (RM66,500)	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor kerja utiliti tidak menurap semula dengan sempurna. • Kontraktor hanya melaksanakan kerja di blok A sahaja. Lawatan Audit di sekitar blok B mendapati jalan rosak dan berlubang yang tidak diturap .

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1.7



KR Jalan Mohd Saad
- Tanah Tidak Rata Menyebabkan Pasir Memasuki Longkang
(08.11.2016)

GAMBAR 1.8



GAMBAR 1.9



KR Taman Tun Dr. Awang
- Serapan Air Pada Dinding
(13.12.2016)

GAMBAR 1.10



KR Taman Tun Dr. Awang
- Dewan Orang Ramai Menjadi Tempat Tinggal Pekerja dan Stor Penyimpanan Barang Kontraktor
(13.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Bagi Kerja Menaik Taraf Taman Permainan Kanak-kanak Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad, pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja penanaman rumput secara spot turfing dan mematuhi spesifikasi sebut harga iaitu pada jarak tidak melebihi 300mm di antara setiap petak. Lawatan pada 28 Februari

2017 mendapati rumput-rumput yang ditanam telah meliputi keseluruhan tapak taman permainan dan longkang berada dalam keadaan yang bersih.

Bagi Kerja-kerja Pengubahsuaian Dewan Orang Ramai Taman Tun Dr. Awang, serapan air yang dikesan berlaku di dinding dewan adalah disebabkan kebocoran paip daripada unit kediaman yang berada di bahagian atas dewan. Kerja-kerja pembaikan serapan ini akan dilaksanakan pada bulan April 2017. Pihak kontraktor telah menerima kebenaran daripada pihak pengurusan Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Dr. Awang untuk menggunakan dewan tersebut sebagai tempat penyimpanan barang sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan melalui surat bertarikh 27 Oktober 2016.

Bagi kerja-kerja berkaitan di PPR Desa Wawasan, pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja penurapan mengikut spesifikasi dan keluasan yang ditetapkan dalam sebut harga. Kerja-kerja penurapan untuk baki kawasan yang belum diturap semula khasnya di kawasan Blok B dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2017 tertakluk kepada penjimatan peruntukan semasa sekiranya ada.

- b. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 menekankan bahawa adalah menjadi tugas setiap majikan memastikan keselamatan pekerjanya, di mana termasuk sistem dan prosedur kerja yang selamat, peralatan yang selamat dan tempat serta suasana kerja yang selamat. Lawatan Audit pada 7 dan 13 Disember 2016 mendapati pekerja kontraktor baik pulih bangunan Taman Tun Dr. Awang dan Desa Wawasan sedang melakukan kerja tanpa memakai peralatan keselamatan seperti di gambar. Keadaan ini boleh menyebabkan kemalangan kepada pekerja dan penghuni kawasan tersebut.

GAMBAR 1.11



PPR Desa Wawasan
- Pekerja Tidak Memakai Peralatan Keselamatan
(07.12.2016)

GAMBAR 1.12



KR Taman Tun Dr. Awang
- Pekerja Tidak Memakai Peralatan Keselamatan
(13.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Teguran ini telah dipanjangkan kepada pihak kontraktor dan Jabatan Kerja Raya melalui surat bertarikh 2 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, kegagalan dalam melaksanakan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor memberi kesan terhadap aspek keselamatan dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan sekiranya pembaikan tidak dapat dilaksanakan.

1.5.8. Penyenggaraan

Kerja-kerja penyenggaraan rumah PPR yang disewakan melibatkan pembersihan, kerja-kerja elektrik, penyenggaraan lif dan kerja-kerja sivil adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Perumahan sepenuhnya. Manakala, bagi rumah sewa beli hanya bahagian guna sama yang akan diselenggarakan oleh pihak Bahagian Perumahan. Perbelanjaan penyenggaraan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah RM23.64 juta berbanding dengan jumlah yuran penyenggaraan yang dikutip berjumlah RM24.21 juta. Bahagian Perumahan telah melantik dua kontraktor pembersihan di PPR Ampang Jajar dan PPR Desa Wawasan. Manakala bagi rancangan perumahan yang lain kerja pembersihan dilaksanakan oleh pekerja am Bahagian Perumahan. Pihak Audit mendapati kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan tetapi tidak dibuat secara menyeluruh/sempurna oleh kontraktor walaupun pembayaran penuh telah dibuat. Butiran penemuan Audit terhadap pelaksanaan penyenggaraan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.15
PELAKSANAAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PENYENGGARAAN**

LOKASI	JENIS PENYENGGARAAN	KETERANGAN
PPR Desa Wawasan, KR Mak Mandin, PPR Taman Bagan Jaya, PPR Ampang Jajar	Kerja-Kerja Penyenggaraan Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> Sampah tidak dibersihkan secara menyeluruh, dewan tidak disenggara, longkang tidak disenggara dan peralatan di taman permainan tidak dapat digunakan. (Gambar 1.13)
PPR Desa Wawasan, KR Mak Mandin, PPR KR Jawi 3,KR Kampung Selamat, PPR Ampang Jajar	Pengurusan Unit Rumah Kosong	<ul style="list-style-type: none"> Rumah yang telah dikosongkan oleh penyewa berada dalam keadaan kotor, terbiar, mengalami kerosakan, kehilangan peralatan seperti cermin tingkap, diserang anai-anai pada bahagian kayu, barang lusuh ditinggalkan dalam rumah dan <i>vandalisme</i>. (Gambar 1.14) <p><i>Catatan: Rekod yang diterima dari Rancangan Perumahan Sehingga Bulan Oktober 2016 menunjukkan 436 unit PPR dan 260 unit KR masih kosong</i></p>
PPR Ampang Jajar	Tetulang Konkrit	<ul style="list-style-type: none"> Concrete Spalling yang disebabkan oleh pengaratan besi tetulang lantai.


Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1.13



PPR Desa Wawasan
- Sampah Sarap Tidak Dibersihkan
(07.12.2016)

GAMBAR 1.14



KR Mak Mandin
- Sampah Dilonggokkan Dalam Rumah Kosong
(14.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Surat amaran telah dikeluarkan kepada syarikat yang menjalankan pembersihan supaya meningkatkan mutu kerja. Tindakan pembetulan bagi kerja-kerja pembersihan telah diambil. Kerja-kerja penyelenggaraan peralatan taman permainan PPR Ampang Jajar akan dilaksanakan mengikut peruntukan tahun semasa.

Bagi unit kosong PPR, kerja-kerja pembaikan dan pembersihan akan dilakukan setelah terdapat penawaran bagi mengelakkan unit berkenaan diceroboh dan berlaku vandalisme. Manakala bagi unit kosong rumah KR di Mak Mandin dan Kampung Selamat yang dilaporkan, unit-unit tersebut merupakan milik individu yang mana lagi diselia dan di selenggara oleh Bahagian Perumahan.

Bahagian Perumahan dari semasa ke semasa bekerjasama dengan jabatan teknikal memandangkan penyenggaraan teknikal memerlukan nasihat dan maklum balas daripada pihak yang berkepakaran.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan rumah KR dan PPR adalah kurang memuaskan. Tindakan pemantauan dan melaksanakan penyenggaraan secara berjadual perlu dilakukan bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni.

1.5.9. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Bahagian Perumahan bertanggungjawab terhadap aspek pemantauan dan penguatkuasaan PPR dan KR. Semakan Audit terhadap aspek tersebut mendapati perkara berikut:

**JADUAL 1.16
KELEMAHAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN**

LOKASI	KELEMAHAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	KETERANGAN
KR Jawi 3, PPR Ampang Jajar, KR Taman Free School	Vandalisme	<ul style="list-style-type: none">Berlaku vandalisme seperti dinding diconteng, pintu lif diconteng dan dirosakkan, lampu koridor dan tangga dicuri dan dirosakkan, pintu sesalur elektrik telah dipecahkan serta pagar gelanggang badminton dan takraw telah dirosakkan. (Gambar 1.15)
KR Mak Mandin, PPR Ampang Jajar, PPR Taman Manggis	Longgokan Barang Buangan	<ul style="list-style-type: none">Pelbagai jenis kenderaan rosak ditinggalkan di sekitar kawasan perumahan. (Gambar 1.16)
PPR Ampang Jajar, KR Kampung Selamat	Penyambungan Air Tanpa Meter	<ul style="list-style-type: none">Penyewa telah melakukan penyambungan air tanpa meter.

LOKASI	KELEMAHAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	KETERANGAN
Projek KR/PPR	Kelemahan Pemeriksaan dan Keselamatan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Perumahan tidak melaksanakan pemeriksaan berkala terhadap bangunan-bangunan perumahan dari segi struktur dan keselamatan bangunan. Bahagian Perumahan juga tidak dapat mengemukakan rekod penyenggaraan dan keselamatan bangunan. Lawatan Audit mendapati berlaku keretakan struktur bangunan yang teruk di KR Mak Mandin.

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1.15



PPR Ampang Jajar
- Dinding Diiconteng
(08.11.2016)

GAMBAR 1.16



PPR Taman Manggis
- Kenderaan Rosak Tidak Dialihkan
(15.12.2016)

Maklum Balas Bahagian Perumahan yang Diterima Pada 17 Mac 2017

Bahagian Perumahan akan sentiasa mengambil pendekatan proaktif seperti teguran dan mengadakan program gotong-royong bersama penduduk.

Bahagian Perumahan telah menjalankan operasi mengeluarkan kenderaan rosak/terbiar dengan bantuan Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis dan Perumahan Taman Tun Sardon Fasa II & III yang melibatkan 13 buah kenderaan.

Bahagian Perumahan telah mengenal pasti unit-unit yang telah membuat penyambungan paip air secara haram (tanpa meter PBA) di PPR Ampang Jajar. Sehubungan itu, Rancangan Perumahan Mak Mandin telah memanjangkan perkara ini berserta nombor-nombor unit yang telah melakukan kesalahan tersebut kepada pihak PBA pada 1 Disember 2015.

Sebarang kerosakan atau kecacatan bangunan akan dilaporkan kepada Bahagian Perumahan untuk tindakan susulan yang perlu.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan boleh mengundang bahaya kepada penduduk dari aspek keselamatan bangunan dan keselesaan penduduk sekitarnya.

1.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perumahan kos rendah dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan, pihak Bahagian Perumahan disarankan agar mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.6.1. membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah hak milik dengan segera untuk memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan penyewa terpelihara;
- 1.6.2. mengambil tindakan lebih proaktif untuk mengutip tunggakan sewa/sewa beli/penyenggaraan bagi mengurangkan baki tunggakan yang tinggi serta mengambil tindakan pewartaan terhadap akaun-akaun deposit yang tidak sepatutnya disimpan; dan
- 1.6.3. mengambil tindakan tegas terhadap kes-kes pelanggaran syarat serta mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan setiap penghuni mematuhi syarat-syarat, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

2. PENGURUSAN PENCEGAHAN BANJIR NEGERI PULAU PINANG

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) adalah sebuah jabatan yang berperanan menerajui dan menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia dalam menguruskan sumber air khususnya pengurusan banjir, sungai dan zon pantai bagi meningkatkan kualiti hidup dengan memastikan sekuriti air dan kelestarian alam sekitar.

2.1.2. Bahagian Pengurusan Banjir JPSPP bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaras program pencegahan banjir yang merangkumi reka bentuk terperinci, pengambilan balik tanah, menaik taraf sistem saliran, membina pintu kawalan pasang surut, membina kolam takungan, melebar dan mendalam sungai, membina ban, pengukuhan tebing, membina lintasan/pembetung dan penyenggaraan rumah pam, kolam takungan banjir, parit monsun dan lain-lain yang berkaitan dengan banjir. Ia juga berperanan untuk menyelesaikan dan mengurangkan masalah banjir terutama di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan kerap dilanda banjir kilat serta kawasan yang tidak mempunyai saliran yang baik. JPSPP juga menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda.

2.1.3. Kekerapan kejadian banjir pada tahun 2016 bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) masing-masing adalah sebanyak 21, 18 dan 16 kali yang melibatkan sebanyak empat kawasan di SPT, enam kawasan di DTL dan tujuh kawasan di DBD.

2.1.4. Bagi melaksanakan projek pencegahan banjir, pihak JPSPP telah menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri di bawah maksud Pembangunan (P08/51) dan Belanja Mengurus (B08/28) seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.1
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR DI BAWAH MAKSUD PEMBANGUNAN
(P08/51) DAN BELANJA MENGURUS (B08/28) BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN (RM Juta)		PERATUS (%)	
	P08	B08	P08	B08	P08	B08
2014	3.51	13.27	3.28	13.27	93.4	100.0
2015	5.11	13.35	4.89	13.33	95.7	99.9

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN (RM Juta)		PERATUS (%)	
	P08	B08	P08	B08	P08	B08
2016	2.87	16.51	2.84	16.19	99.0	98.1
JUMLAH	11.49	43.13	11.01	42.79	95.8	99.2

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

2.1.5. Selain itu, JPSPP juga menerima hasil kutipan caruman saliran dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi membiayai perbelanjaan naik taraf sistem saliran setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang. Hasil kutipan tersebut di akaun dalam Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang (Wang Amanah Saliran) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Perlombagaan Persekutuan. Sehingga Ogos 2016 baki Wang Amanah Saliran adalah berjumlah RM31.25 juta.

2.1.6. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, JPSPP telah menerima sejumlah RM13.02 juta dan sejumlah RM27.42 juta telah dibelanjakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
TERIMAAN DAN BAYARAN AKAUN AMANAH
SALIRAN PULAU PINANG BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BAKI AWAL (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	BAKI AKHIR (RM Juta)
2014	45.64	3.00	7.74	40.90
2015	40.90	8.11	10.63	38.38
2016	38.38	1.91	9.05	31.24
JUMLAH	124.92	13.02	27.42	110.52

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai Pengurusan Pencegahan Banjir telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan Pengurusan Pencegahan Banjir adalah bagi tempoh tiga tahun mulai tahun 2014 hingga 2016 merangkumi aspek pengurusan Wang Amanah Saliran, penyenggaraan stesen-stesen hidrologi dan pembinaan projek pencegahan banjir.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, data, dokumen kontrak dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan di JPSPP, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah (JPSSPT), Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Timur Laut (JPSDTL), Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Barat Daya (JPSDBD) dan MPSP. Selain itu, temu bual dengan pegawai Jabatan/Agenzi yang terlibat dan penduduk setempat serta lawatan fizikal ke tapak projek, kawasan penyenggaraan dan kawasan banjir juga telah dilakukan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2016 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Pencegahan Banjir adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan bagi 22 daripada 24 projek. Penyenggaraan stesen hidrologi seperti stesen aras air, stesen amaran banjir bersiren, stesen curahan hujan dan stesen tele metrik hujan, parit monsun dan rumah pam serta pengurusan aduan awam juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. Arahan Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang tidak dipatuhi;
- ii. tiada kuasa meluluskan baucar;
- iii. kelewatan menyiapkan projek Permatang Tinggi Pakej 1 dan 2; dan
- iv. kontrak lewat ditandatangani.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JPSPP, MPSP dan MBPP telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 10 Januari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Pelaksanaan Projek Wang Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang

2.5.1.1. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang telah meluluskan sejumlah RM29.40 juta untuk projek pencegahan banjir di JPSSPT, JPSDTL, JPSDBD dan MPSP. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM10.66 juta telah dibelanjakan manakala sejumlah RM18.74 juta merupakan projek yang masih dalam pelaksanaan dan belum siap sepenuhnya. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
PERUNTUKAN WANG CARUMAN SALIRAN
YANG DILULUSKAN DAN DIBELANJAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	JPSSPT		JPSDTL		JPSDBD		MPSP		JUMLAH	
	PD (RM Juta)	BS (RM Juta)								
2014	0.61	0.42	0.77	0.54	-	-	6.61	6.26	7.99	7.22
2015	1.16	0.66	0.89	0.89	7.48	0.48	1.54	0.92	11.07	2.95
2016	1.02	0.35	2.52	-	2.20	0.14	4.60	-	10.34	0.49
JUMLAH	2.79	1.43	4.18	1.43	9.68	0.62	12.75	7.18	29.40	10.66

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

Nota: PD – Peruntukan Diluluskan

BS – Belanja Sebenar

2.5.1.2. Semakan Audit mendapati, 61 projek telah dimohon oleh JPSSPT, JPSDTL, JPSDBD dan MPSP. Sebanyak 46 projek telah diluluskan manakala baki 15 projek ditangguhkan kerana JPS perlu membuat semakan semula. Analisis Audit mendapati sebanyak 54 projek telah dilaksanakan dan daripada jumlah tersebut, tambahan lapan projek yang dilaksanakan adalah disebabkan kerja-kerja kecemasan (*ad-hoc*) yang telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tebakan Banjir Negeri Pulau Pinang. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN
PROJEK BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

DAERAH	MOHON	LULUS	LAKSANA	TANGGUH
JPSSPT	26	20	24	6
JPSDTL	14	14	17	-
JPSDBD	4	4	4	-
MPSP	17	8	9	9
JUMLAH	61	46	54	15

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

Pada pendapat Audit, prestasi perlaksanaan projek adalah memuaskan.

2.5.2. Arahan Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang Tidak Dipatuhi

2.5.2.1. Mengikut Arahan Amanah, semua terimaan hendaklah diakaunkan ke dalam Akaun Amanah Saliran yang diselenggara oleh Pengarah JPSPP sebagai Pegawai Pengawal.

2.5.2.2. Semakan Audit mendapati, MPSP tidak menyerahkan kesemua wang hasil kutipan caruman saliran kepada JPSPP untuk diakaunkan. Sehingga Jun 2016, sejumlah RM22.09 juta baki wang caruman masih belum diserahkan kepada JPSPP. Pada tahun 2010, Yang Dipertua MPSP telah memberi

kebenaran kepada Jabatan Perbendaharaan MPSP untuk menyerahkan wang kutipan caruman saliran berjumlah RM400,000 setahun kepada JPSPP bagi mengawal aliran wang tunai MPSP tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
BAKI WANG HASIL KUTIPAN CARUMAN YANG DIKUTIP
OLEH MPSP MASIH BELUM DISERAHKAN KEPADA JPSPP

TAHUN	KUTIPAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	SERAH (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
1995	2.60	0.25	-	2.35
1996 - 2005	67.95	16.47	46.61	4.87
2006	7.81	0.61	5.08	2.12
2007	6.78	2.25	3.78	0.75
2008	4.63	3.32	0.30	1.01
2009	7.25	2.69	-	4.56
2010	4.19	4.66	0.20	(0.67)
2011	6.37	4.24	-	2.13
2012	5.66	8.11	0.40	(2.85)
2013	7.54	7.63	0.40	(0.49)
2014	14.28	10.98	0.40	2.90
2015	10.42	4.94	0.40	5.08
Sehingga Jun 2016	3.05	2.62	0.10	0.33
JUMLAH	148.53	68.77	57.67	22.09

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

2.5.2.3. Kegagalan MPSP menyerahkan kesemua wang hasil kutipan caruman saliran kepada JPSPP menyebabkan baki akhir tahun akaun amanah telah terkurang catat sejumlah RM22.09 juta dan wang tersebut sepatutnya boleh digunakan untuk membiayai lebih banyak projek-projek pencegahan banjir bagi kawasan yang memerlukan. Semakan selanjutnya terhadap penyerahan wang hasil kutipan caruman saliran oleh MPSP kepada JPSPP mendapati, pada bulan Mac 2017 MPSP telah menyerahkan sejumlah RM7.27 juta kepada JPSPP dan bakinya akan diserahkan secara berperingkat iaitu pada bulan Jun, September dan Disember 2017.

Maklum Balas MPSP yang Diterima Pada 28 Februari 2017

Pada tahun 2017, MPSP akan menyerahkan baki kutipan terkumpul sehingga 31 Disember 2016 yang berjumlah RM21.07 juta (selepas mengambil kira baki projek-projek yang telah dan sedang dijalankan berjumlah RM3.81 juta) kepada JPSPP secara sukuan seperti mana keputusan MMK pada 15 Jun 2016 dan keputusan mesyuarat Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 tahun 2016 pada 19 Disember 2016. Pembayaran baki terkumpul bersama kutipan

semasa akan dibuat pada tahun 2017 secara sukuan iaitu mulai bulan Mac, Jun, September dan Disember.

2.5.2.4. Maklum balas yang diterima daripada MPSP untuk menyerahkan tunggakan wang hasil kutipan caruman secara sukuan adalah bercanggah dan tidak bertepatan dengan kehendak Arahan Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang. Sekiranya PBT ingin mengubah cara penyerahan ke dalam Akaun ini, Arahan Amanah tersebut mestilah di pinda.

Pada pendapat Audit, Akaun Amanah Saliran Negeri Pulau Pinang yang dilaporkan dalam Laporan Penyata Kewangan Negeri tidak menunjukkan baki yang sebenar.

2.5.3. Tiada Kuasa Meluluskan Baucar

2.5.3.1. Mengikut Arahan Akaun Amanah Saliran, baucar bayaran hendaklah diluluskan oleh Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau pegawai di bawah kawalan pentadbirannya yang dilantik olehnya secara bertulis untuk tujuan tersebut dan dokumen sokongan perlu disimpan untuk tujuan audit.

2.5.3.2. Semakan Audit mendapati, perbelanjaan projek pencegahan banjir berjumlah RM68.77 juta yang dilaksanakan oleh MPSP bagi tempoh tahun 1995 hingga Jun 2016 tidak mendapat kelulusan Pegawai Pengawal.

2.5.3.3. MPSP tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan perbelanjaan tersebut kerana kuasa meluluskan pembayaran hanya boleh dilakukan oleh Pegawai Pengawal Akaun Amanah atau pegawai di bawah kawalan pentadbirannya yang dilantik olehnya secara bertulis. Pembayaran yang dilakukan tanpa kelulusan daripada Pegawai Pengawal adalah bercanggah dengan Arahan Amanah dan boleh membuka ruang berlakunya perbelanjaan di luar maksud Arahan Amanah.

Maklum Balas MPSP yang Diterima Pada 28 Februari 2017

Proses pembayaran dan pengesahan kerja dibuat oleh MPSP kerana baki kutipan yang ada tidak diserahkan semuanya kepada JPSPP tetapi terus dibuat bayaran kepada kontraktor bagi melancarkan proses pengurusan pentadbiran JPSPP dan juga MPSP selaku pegawai pelaksana ke atas pemantauan projek-projek yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang. Penambahbaikan prosedur kerja untuk tahun 2017 telah dibuat bagi memastikan arahan akaun amanah dipatuhi seperti yang

telah ditetapkan bagi projek-projek yang diluluskan dan belum dilaksanakan pada tahun 2016 serta projek-projek baru.

2.5.3.4. Maklum balas yang diterima daripada MPSP adalah bercanggah dan tidak bertepatan dengan kehendak Arahan Akaun Amanah.

Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah yang melibatkan kuasa membuat bayaran adalah tidak memuaskan. MPSP perlu mematuhi arahan amanah iaitu segala pembayaran perlu dilakukan oleh JPSPP. Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang hanya meluluskan dan memberi kebenaran kepada MPSP untuk melaksanakan projek yang dimohon. Di dalam surat kebenaran pelaksanaan projek yang dikeluarkan oleh JPSPP menyatakan bahawa segala pembayaran perlu dilaksanakan oleh JPSPP.

2.5.4. Kelewatan Menyiapkan Projek Permatang Tinggi Paket 1 dan 2

2.5.4.1. Pelaksanaan projek perlu disempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan mengikut syarat-syarat lain yang terkandung dalam Dokumen Kontrak serta peraturan berkaitan. Pengauditan yang dijalankan terhadap 24 daripada 54 projek yang dilaksanakan oleh JPSSPT mendapati dua daripadanya lewat disiapkan.

a. Kerja Pembinaan Parit Lencongan (*Bypass Channel*), Penambahbaikan Rumah Pam dan Kerja-kerja Berkaitan di Kawasan Permatang Tinggi Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang (Paket 1)

- i. Tarikh milik tapak projek adalah pada 2 September 2014 dan perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan iaitu pada 1 Mac 2016. Nilai Kontrak berjumlah RM6.69 juta.
- ii. JPSSPT didapati telah mengeluarkan sebanyak enam Surat Peringatan kepada kontraktor untuk mempercepatkan kerja-kerja kontrak mengikut *Critical Path Method* (CPM) yang telah ditetapkan. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 16 Mac 2017.
- iii. JPSPP telah meluluskan dua lanjutan masa selama 301 hari, bermula dari 2 Mac 2016 hingga 27 Disember 2016 dengan alasan *delay on the part of artists, tradesman or other engaged by the Goverment in executing work not forming part of the Contract*. Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 September 2016 mendapati projek ini masih belum disiapkan. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Pembinaan Rumah Pam Masih Belum Disiapkan
(21.09.2016)

GAMBAR 2.2



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Pembinaan Substation TNB
Belum Disiapkan Sepenuhnya
(21.09.2016)

GAMBAR 2.3



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Pam Masih Belum Dipasang
(21.09.2016)

GAMBAR 2.4



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Kerja Pemasangan Pagar Sempadan
Belum Disiapkan Sepenuhnya
(21.09.2016)

- iv. Kelewatan berlaku disebabkan cuaca, pertukaran pam dari jenis Vansan kepada EBARA dan kelewatan pembekalan kuasa elektrik oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Maklum Balas JPSPP yang Diterima Pada 28 Februari 2017

Dalam menyelesaikan masalah banjir, rumah pam Parit 4 adalah sebagai menyokong kepada projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh JPSPP melalui kajian Drainage Master Plan yang telah dilaksanakan dan projek Paket 1 adalah salah satu daripada keseluruhan daripada projek-projek yang dibuat. Masalah banjir yang berlaku adalah berpunca daripada taburan hujan melebihi kadar biasa dan masalah sistem perparitan dalaman. JPSSPT sedia maklum bahawa setiap baki-baki kerja Paket 1 yang dinyatakan dalam surat peringatan terutamanya peringatan kelima dan enam adalah bertujuan memohon pihak kontraktor mempercepatkan proses menyiapkan baki kerja. JPSSPT mendapati pihak kontraktor telah mengambil kesempatan terhadap pemberian EOT kedua. Bagaimanapun, kesemua baki kerja pembinaan telah diselesaikan pada bulan Disember 2016.

Pada pendapat Audit, prestasi menyiapkan projek Permatang Tinggi Paket 1 adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan selama 301 hari dari tarikh sepatutnya.

b. Kerja Pembinaan Parit Lencongan (*ByPass Channel*), Penambahbaikan Rumah Pam dan Kerja-kerja Berkaitan di Kawasan Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Paket 2)

- i. Tarikh milik tapak projek adalah pada 9 Februari 2015 dan perlu disiapkan dalam tempoh 12 bulan iaitu pada 8 Februari 2016. Nilai Kontrak adalah berjumlah RM7.25 juta.
- ii. Kontraktor gagal menyiapkan kerja pembinaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Ia berpunca daripada kelewatan pihak TNB, Telekom dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk mengalih kabel dan saluran paip di kawasan tapak projek. Selaras dengan garis panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana kos pengalihan kabel dan saluran paip akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat utiliti.
- iii. JPSPP telah meluluskan dua lanjutan masa selama 390 hari bermula 9 Februari 2016 hingga 4 Mac 2017 dengan alasan *delay on the part of artists, tradesman or other engaged by the Goverment in executing work not forming part of the Contract*. Sehingga 30 November 2016, kemajuan kerja adalah di peringkat 74% berbanding 100% mengikut jadual.
- iv. Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 September 2016 mendapati saluran paip/kabel masih belum dialih sepenuhnya. Semakan mendapati, EOT ketiga telah diluluskan oleh JPS iaitu bermula 4 Mac 2017 dan dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2017. Saluran paip/kabel yang masih belum dialihkan sepenuhnya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.5



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Paip PBAPP Masih Belum Diubah
(21.09.2016)

GAMBAR 2.6



Permatang Tinggi,
Seberang Perai Tengah
Kabel TNB Masih Belum Diubah
(21.09.2016)

- v. Pemeriksaan selanjutnya mendapati, kerja-kerja pengalihan saluran paip/kabel telah dijalankan pada 14 April 2017. Kelewatan menyiapkan kedua-dua projek ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kejadian banjir berulang sebanyak lima kali di kawasan Permatang Tinggi pada tahun 2016.

Maklum Balas JPSPP yang Diterima Pada 28 Februari 2017

Telekom telah menjalankan kerja-kerja pengalihan pada pertengahan Disember 2016 dan dijangka siap pada bulan Mac 2017. Kerja-kerja pengalihan kabel Telekom akan berjalan serentak dengan kerja-kerja oleh kontraktor utama. PBAPP telah memulakan kerja-kerja pengalihan paip-paip air tetapi masih banyak yang belum dialihkan sepenuhnya. JPSSPT telah menghantar surat peringatan agar kerja-kerja pengalihan perlu disegerakan. TNB telah menjalankan kerja-kerja pengalihan kabel-kabel 11Kv tetapi masih terdapat kabel yang tidak dialihkan. JPSSPT telah menghantar surat peringatan supaya kabel-kabel dialihkan secepat mungkin. Kawasan-kawasan halangan banyak di kawasan box-culvert. Manakala bagi kerja-kerja pengalihan kabel 33Kv JPSSPT telah dimaklumkan kerja akan dilakukan mulai 15 Januari 2017 dan dijangka siap pada 15 Mac 2017. Mengikut pemantauan di tapak kerja-kerja pengalihan kabel 33Kv masih belum dijalankan. Ini akan melambatkan lagi tempoh penyiapan projek. TNB memaklumkan kelewatan kerja pengalihan kabel 33Kv berpunca daripada kelewatan lantikan kontraktor TNB. Kerja-kerja pengalihan dijangka akan dilakukan pada bulan Mac 2017.

Pada pendapat Audit, prestasi menyiapkan projek Permatang Tinggi Paket 2 adalah tidak memuaskan kerana sehingga kini projek ini masih belum siap sepenuhnya. JPS telah meluluskan EOT ketiga yang bermula pada 4 Mac 2017 dan berakhir pada 31 Ogos 2017 yang melibatkan kelewatan keseluruhan selama 569 hari.

2.5.5. Kontrak Lewat Ditandatangani

2.5.5.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Kontrak ditandatangani dan dimeterai dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima ditandatangani.

2.5.5.2. Semakan Audit mendapati sebanyak enam kontrak yang dikendalikan oleh MPSP telah lewat ditandatangani antara tempoh 29 hari hingga 257 hari. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.6
DOKUMEN KONTRAK LEWAT
DITANDATANGANI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	NAMA PROJEK	AMAUН KONTRAK (RM)	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH AKHIR MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK	TARIKH DOKUMEN KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (HARI)
1.	Cadangan Kerja-Kerja Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Taman Seri Nibong, Nibong Tebal, SPS	1,364,540	27.12.13	26.04.14	28.05.14	31
2.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Taman Siakap, Seberang Jaya Pulau Pinang	2,347,250	25.04.14	24.08.14	02.10.14	38
3.	Cadangan Pemasangan Pintu Air di Parit Monsun, Taman Bagan	354,000	14.11.14	13.03.15	26.11.15	257
4.	Cadangan Menaik Taraf Parit Konkrit di Taman Kerjasama, SPT	451,000	24.04.15	23.08.15	17.12.15	115
5.	Cadangan Menaik Taraf Sistem Perparitan di Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya, SPT	732,000	09.07.15	08.11.15	26.01.16	78
6.	Cadangan Pembinaan Rumah Pam dan Naik Taraf Parit di Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, SPT	2,409,330	25.04.14	24.08.14	22.09.14	29

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.5.5.3. Kelewatan berlaku disebabkan Bahagian Kejuruteraan dan Undang-undang mengambil masa yang lama untuk menyediakan dokumen kontrak. Kelewatan menyedia dan menandatangani dokumen kontrak boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku apa-apa pertikaian.

Maklum Balas MPSP yang Diterima Pada 28 Februari 2017

Ikatan kontrak telah pun wujud antara MPSP dan kontraktor setelah Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani dan dikembalikan kepada MPSP. Oleh itu, SST merupakan satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Oleh itu tindakan boleh diambil jika berlaku perkara yang tidak diingini oleh kedua-dua pihak sebagaimana syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender. MPSP sedia maklum akan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 yang menghendaki kontrak ditandatangani dan dimeterai dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima Tender ditandatangani. Pada akhir 2014, sebanyak tujuh template perjanjian telah disediakan untuk digunakan. Setelah digunakan, didapati ia perlu ditambah baik dan hanya dapat digunakan sepenuhnya pada akhir tahun 2015 kerana banyak klausu perlu disesuaikan dengan kehendak MPSP dan juga untuk membolehkan

kakitangan yang mengendalikan kontrak memahami penggunaan template tersebut. Untuk memastikan pegawai memahami secara mendalam, latihan telah diberikan kepada kakitangan bagi mengenali jenis-jenis dokumen dan borang-borang yang diperlukan.

2.5.5.4. Maklum balas yang diterima daripada MPSP adalah tidak bertepatan dan bercanggah dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

Pada pendapat Audit, penyediaan Dokumen Kontrak yang dikendalikan oleh MPSP adalah tidak memuaskan.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik Pengurusan Pencegahan Banjir, pihak Audit mengesyorkan JPSPP dan MPSP mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.6.1. memastikan semua hasil kutipan dan baki RM22.09 juta Wang Amanah Saliran yang dikutip oleh MPSP diserahkan kepada JPSPP dan semua bayaran perlu disahkan oleh Pegawai Pengawal;
- 2.6.2. JPSPP hendaklah memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut spesifikasi dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- 2.6.3. MPSP perlu memastikan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

3. PENGURUSAN PAPAN IKLAN LUAR DI ATAS TANAH DAN RIZAB KERAJAAN NEGERI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) telah mengutip sejumlah RM371,050 Lesen Pendudukan Sementara (LPS) papan iklan manakala sejumlah RM169,000 telah dikutip oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) bagi tempoh 2013 hingga September 2016. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2013 mendefinisikan papan iklan luar merupakan paparan besar yang mengiklankan barang, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan. Manakala menurut Undang-undang Kecil Iklan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Tahun 2000, iklan ditafsirkan sebagai apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, pertunjukan, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa dinding, papan, bumbung, pagar berpanjang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan, atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya, di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau atas mana-mana tanah dan termasuk "tanda langit". Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 menetapkan kadar fi bagi tujuan permohonan LPS untuk mendirikan papan iklan di atas tanah Kerajaan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.1
KADAR FI LPS DAN JENIS PAPAN IKLAN**

JENIS PAPAN IKLAN	SAIZ PAPARAN	KADAR FI
Menara Setiang/ <i>Unipole</i>	20' x 60'/ 30' x 40'	3 Paparan – RM50,000 2 Paparan – RM40,000 1 Paparan – RM30,000
<i>Free Standing</i>	10' x 40'/ 20' x 20'	RM20,000
Kecil/Kecil Berbanding <i>Unipole/Free Standing</i>	8' x 12'	RM5,000

Sumber: PDTDTL

3.1.2. Pemasangan paparan iklan perlu mengambil kira aspek keselamatan dan keselesaan awam, kualiti persekitaran dan paparan imej bersesuaian pada

kandungan iklan. Pemasangan paparan iklan luar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kelulusan tapak, mempamer dan struktur iklan. Kelulusan tapak di tanah Kerajaan diperoleh daripada Pentadbir Tanah dengan pengeluaran LPS, manakala kelulusan mempamer dan struktur iklan diperoleh daripada PBT. Bilangan permohonan LPS dan lesen pamer bagi tempoh tahun 2013 hingga September 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.2
BILANGAN PERMOHONAN LPS DAN LESEN
PAMER BAGI TAHUN 2013 HINGGA SEPTEMBER 2016**

TAHUN	IKLAN JANGKA PANJANG			IKLAN JANGKA PENDEK		
	LPS		LESEN PAMER	LPS		LESEN PAMER
	PDTDTL	PDTDBD		PDTDTL	PDTDBD	
2013	12	11	TM	130	24	175
2014	7	5	33	68	9	184
2015	13	11	63	63	14	138
Sept. 2016	0	0	2	58	8	134
JUMLAH	32	27	98	319	55	631

Sumber: PDTDTL, PDTDBD dan MBPP

Nota: TM-Tiada Maklumat

3.1.3. Sebelum tahun 2012, permohonan LPS bagi tujuan mendirikan papan iklan diuruskan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI)/ Perbadanan Ketua Menteri (CMI). Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 12 Julai 2012 telah memutuskan bahawa permohonan papan iklan di atas tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan diuruskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bermula pada tahun 2012.

3.1.4. Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Seksyen 42 memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk membernarkan pendudukan tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong di bawah LPS. Bagaimanapun, melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No.632 bertarikh 9 Oktober 2013, perwakilan kuasa di bawah subseksyen 13(1), PBN mewakilkan kuasanya di bawah subseksyen 65(1) KTN kepada Pentadbir Tanah untuk meluluskan permohonan LPS bagi tujuan papan iklan. Kaedah-kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2013 (PLR 2013) Jadual II Bahagian 1 No.6(h) berkuat kuasa pada 1 Mac 2014 menetapkan kadar hasil LPS papan iklan yang dipasang di tanah dan rizab Kerajaan antara RM5,000 hingga RM50,000 setahun atau sebahagian daripadanya mengikut jenis dan saiz iklan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan papan iklan luar di atas tanah dan rizab Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap pelaksanaan pengurusan papan iklan luar di PDTDTL, PDTDBD dan Bahagian Pelesenan, MBPP. Pengauditan meliputi aspek permohonan, pengeluaran lesen, hasil serta penguatkuasaan papan iklan luar di atas tanah dan rizab Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 hingga September 2016. Bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu, sampel sebelum tahun 2013 juga disemak.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, temu bual dengan pegawai dan lawatan ke tapak untuk pengesahan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati Pengurusan Papan Iklan Luar di Atas Tanah dan Rizab Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan dan tindakan penambahbaikan hendaklah diambil terhadap kelemahan berikut:

- i. permohonan LPS iklan dan kelulusan bersyarat lesen pamer lewat diproses;
- ii. permohonan lesen iklan di atas tanah yang status pemilikannya belum diketahui;
- iii. LPS diluluskan di atas tanah rizab jalan Persekutuan;
- iv. pemalsuan resit bayaran LPS iklan;
- v. bayaran LPS dikecualikan sebelum kelulusan MMK;
- vi. kelemahan koordinasi antara Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan MBPP; dan
- vii. struktur papan iklan didirikan tanpa permohonan LPS dan lesen pamer.

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDTDTL, PDTDBD dan MBPP telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Proses Permohonan LPS dan Lesen Pamer Iklan

3.5.1.1. LPS dikeluarkan oleh PDT manakala lesen pamer dikeluarkan oleh PBT. Tujuan pengeluaran LPS dan lesen pamer adalah untuk membenarkan pemohon memasang papan iklan dan mempamerkan iklan di atas tanah atau rizab Kerajaan. LPS bagi papan iklan terdiri daripada dua jenis iaitu LPS jangka panjang yang mana tempoh lesennya setahun dan boleh diperbaharui sehingga

tiga tahun. LPS jangka pendek atau sementara tempoh lesen adalah maksima tiga bulan.

3.5.1.2. Semakan Audit terhadap proses LPS dan lesen pamer iklan mendapatkan perkara-perkara berikut:

a. LPS Iklan Jangka Panjang Lewat Diproses

- i. Proses kerja di PDT menetapkan LPS diproses dalam tempoh 60 hari dari tarikh permohonan LPS iklan dikemukakan sehingga penyediaan Borang 4A. Semakan mendapat sebanyak 18 permohonan LPS iklan jangka panjang lewat diproses antara 65 hingga 468 hari di PDTDTL dan sebanyak 15 permohonan lewat diproses antara 39 hingga 193 hari di PDTDBD. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.3
PERMOHONAN LPS IKLAN JANGKA PANJANG LEWAT DIPROSES**

PDT	TEMPOH LEWAT/BIL. KES					JUMLAH KES
	39 – 60 HARI	61 – 90 HARI	91 – 120 HARI	121 - 150 HARI	> 150 HARI	
DTL	0	9	3	1	5	18
DBD	4	4	4	2	1	15
JUMLAH	4	13	7	3	6	33

Sumber: PDTDTL dan PDTDBD

- ii. Perkara ini berlaku disebabkan PDT lewat menerima ulasan daripada Jabatan Teknikal, Laporan Tanah lewat disediakan oleh Pegawai Penempatan dan kelewatan pemohon membuat bayaran LPS.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Pemantauan tempoh masa proses permohonan akan diperketat melalui Mesyuarat Pengurusan Bahagian Tanah yang diadakan secara berkala.

Maklum Balas PDTDBD yang Diterima Pada 10 Mac 2017

Permohonan LPS iklan jangka panjang lewat diproses di peringkat pentadbiran. Kelewatan ini berlaku kerana Laporan Tanah lewat disediakan, ulasan daripada Jabatan Teknikal lewat diterima oleh Pentadbiran ini dan bayaran LPS lewat dibayar oleh pemohon.

Pada pendapat Audit, PDT perlu mengambil langkah penambahbaikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja dalam memproses permohonan LPS.

b. Kelulusan Bersyarat Lesen Pamer Lewat Diproses

- i. Proses kerja di MBPP menetapkan kelulusan bersyarat lesen pamer diproses dalam tempoh lima minggu (35 hari) dari tarikh permohonan dikemukakan sehingga pengeluaran surat kelulusan bersyarat. Semakan Audit mendapati sebanyak 49 kes kelulusan bersyarat lesen pamer iklan jangka panjang lewat diproses antara 34 hingga 683 hari. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4
KELULUSAN BERSYARAT
LESEN PAMER LEWAT DIPROSES**

TEMPOH KELEWATAN (HARI)	BILANGAN KES
34 – 60	7
61 – 90	7
91 – 120	2
121 – 150	6
> 150	27
JUMLAH	49

Sumber: MBPP

- ii. Kelewatan ini disebabkan pemohon tidak mematuhi syarat-syarat teknikal dan dokumentasi yang ditetapkan oleh MBPP serta ulasan teknikal lewat diterima dari Jabatan Teknikal dalaman MBPP. Hal ini boleh menyebabkan papan iklan dipaparkan sebelum kelulusan lesen pamer diberikan.

Maklum Balas MBPP yang Diterima Pada 8 Februari dan 8 Mac 2017

Kelewatan yang dikenal pasti adalah disebabkan pemohon telah mengemukakan dokumen yang tidak memenuhi spesifikasi teknikal yang dikehendaki oleh MBPP iaitu pelan ukur yang dikemukakan tidak menunjukkan lokasi yang tepat bagi tujuan ulasan teknikal dan pemohon tidak dapat mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan baru lesen papan iklan luar di atas tanah Kerajaan Negeri terlebih dahulu di MBPP untuk mendapatkan kelulusan bersyarat. Selepas mendapat kelulusan bersyarat ini, pemohon perlu mendapat kelulusan LPS dalam tempoh 100 hari. Lesen pamer hanya dikeluarkan selepas pemohon telah mendapat kelulusan LPS.

Pada pendapat Audit, MBPP perlu mengambil langkah penambahbaikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja dalam memproses permohonan kelulusan bersyarat lesen pamer.

c. Permohonan Lesen Iklan di Atas Tanah yang Status Pemilikannya Belum Diketahui

- i. Seksyen 42 KTN menjelaskan mengenai kuasa pelupusan iaitu tanah-tanah negeri boleh dilupuskan dengan beberapa cara seperti pemberimilikan, perizaban dan Lesen Pendudukan Sementara.
- ii. PDTDTL telah menerima tiga permohonan LPS iklan jangka panjang pada tahun 2015 melibatkan tiga lokasi dari pemohon yang sama iaitu lokasi pertama di persimpangan Jalan Coastal/Jalan Tengku Kudin menuju ke pusat bandar, Seksyen 4, DTL (iklan 2 paparan), lokasi kedua di persimpangan Jalan Coastal/menuju ke Bayan Lepas, Mukim 13, DTL (iklan 2 paparan) dan lokasi ketiga di Persimpangan Bayan Lepas menuju bandar Georgetown, Mukim 13, DTL (iklan 3 paparan).
- iii. Semasa permohonan ini dibuat, terdapat binaan struktur tanpa paparan iklan di lokasi dan binaan struktur tersebut telah didirikan oleh pemohon pada tahun 1996. Pada masa yang sama, struktur paparan iklan di ketiga-tiga lokasi berkenaan telah diberi kelulusan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) kepada PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dan tempoh asal untuk ketiga-tiga lokasi tersebut telah tamat pada tahun 2012. Satu permohonan melanjutkan tempoh kelulusan oleh PLUS ke LLM telah dibuat dan dalam peringkat mendapatkan keputusan dan kelulusan dari YB Menteri Kerja Raya. Berdasarkan semakan fail permohonan, pihak PDTDTL menyatakan tiada sebarang pewartaan di bawah seksyen 62 KTN bagi merizabkan lokasi berkenaan sebagai rizab lebuh raya dan ia masih berstatus tanah Kerajaan Negeri.
- iv. Semakan Audit mendapati permohonan tersebut melibatkan kedudukan lokasi papan iklan di atas tanah yang belum diketahui status pemilikannya sama ada tanah Kerajaan Negeri atau LLM. Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri mengenai permohonan ini telah dibawa ke Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang pada 8 September 2016 dan sehingga tarikh pengauditan, status permohonan ini belum diputuskan.
- v. Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 1/2014 bertarikh 24 Februari 2014 menetapkan saiz paparan iklan yang dibenarkan adalah 20kaki x 60kaki atau 30kaki x 40kaki. Semakan terhadap permohonan lesen pamer MBPP mendapati saiz paparan yang dimohon ialah 20kaki x 60kaki. Bagaimanapun, saiz sebenar di lokasi adalah 20kaki x 80kaki dan 25kaki x 80kaki. Lawatan Audit ke lokasi berkenaan mendapati struktur papan iklan masih berada di lokasi tersebut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Persimpangan Jalan Coastal/Jalan Tengku Kudin Menuju ke Pusat Bandar, Seksyen 4, Daerah Timur Laut

- Struktur Papan Iklan 2 Paparan yang Dibina di Atas Tanah yang Tidak Diketahui Status Pemilikannya dan Bersaiz 25' x 80'
(08.12.2016)

GAMBAR 3.2



Persimpangan Jalan Coastal Menuju Ke Bayan Lepas, Mukim 13, Daerah Timur Laut

- Struktur Papan Iklan 2 Paparan yang Dibina di Atas Tanah yang Tidak Diketahui Status Pemilikannya dan Bersaiz 20' x 80'
(08.12.2016)



GAMBAR 3.3

Persimpangan Bayan Lepas Menuju Bandar Georgetown, Mukim 13, Daerah Timur Laut

- Struktur Papan Iklan 3 Paparan yang Dibina di Atas Tanah yang Tidak Diketahui Status Pemilikannya dan Bersaiz 20' x 80'
(08.12.2016)

vi. Selain itu, terdapat peralatan telekomunikasi yang didirikan di atas struktur papan iklan tersebut dan berdasarkan temu bual dengan pegawai MBPP, peralatan tersebut adalah untuk liputan telekomunikasi di Pulau Pinang dan tiada permohonan dibuat oleh tiga syarikat berkenaan ke MBPP berdasarkan mesyuarat yang diadakan pada 26 Ogos 2015. Butirannya seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.4



Persimpangan Jalan Coastal/Jalan Tengku Kudin Menuju ke Pusat Bandar, Seksyen 4, Daerah Timur Laut

- Alat Telekomunikasi Dipasang di Atas Struktur Papan Iklan
(08.12.2016)

GAMBAR 3.5



Persimpangan Jalan Coastal/Menuju Ke Bayan Lepas, Mukim 13, Daerah Timur Laut

- Alat Telekomunikasi Dipasang di Atas Struktur Papan Iklan
(08.12.2016)



GAMBAR 3.6

Persimpangan Bayan Lepas Menuju Bandar
Georgetown, Mukim 13, Daerah Timur Laut
- Alat Telekomunikasi Dipasang di Atas Struktur
Papan Iklan
(08.12.2016)

vii. Kedudukan struktur ini mencemarkan pemandangan selain boleh menjelaskan keselamatan pengguna lebuhraya dari segi kekuahan struktur yang dibina sejak tahun 1996. Kehilangan hasil yang dianggarkan jika LPS dikenakan adalah sejumlah RM0.13 juta setahun. Pemasangan peralatan telekomunikasi adalah tanpa kebenaran tuan tanah.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Permohonan LPS di atas tanah Kerajaan daripada pemohon telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 14 Disember 2016 dan disahkan pada 21 Disember 2016.

Maklum Balas MBPP yang Diterima Pada 8 Feb 2017

Bagi ketiga-tiga kes yang dinyatakan, terdapat Pelan Bangunan dikemukakan. Notis di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Seksyen 72 dan Seksyen 72(6)) telah dikeluarkan ke atas struktur telekomunikasi di tapak 1, 2 dan 3 bertarikh 3 dan 6 Februari 2017.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam menentukan status tanah menyebabkan Kerajaan Negeri dan MBPP tidak dapat mengenakan caj bayaran yang sepatutnya dikenakan kepada pemohon mengikut kadar yang ditetapkan.

d. LPS Diluluskan di Atas Tanah Rizab Jalan Persekutuan

i. Seksyen 85A, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) menyatakan kuasa bagi meluluskan permohonan untuk mendirikan struktur paparan iklan di rizab jalan Persekutuan dan lebuhraya di seluruh negara adalah di bawah bidang kuasa YB Menteri Kerja Raya. Akta Jalan Persekutuan 1959 melalui Warta P.U.(A) 401/89 berkuat kuasa 15 Ogos 1989 telah mewartakan Laluan 6 sepanjang 62.33 km sebagai jalan Persekutuan.

Warta P.U.(A) 213/2015 berkuat kuasa pada 21 September 2015 pula menyatakan Laluan 281 sebagai jalan Persekutuan. Peta Jalan Pulau Pinang oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR) menunjukkan jalan Lebuh raya Sungai Nibong adalah jalan Persekutuan dan maklumat jalan adalah benar sehingga Disember 2015.

- ii. Semakan Audit mendapati LPS iklan telah diluluskan di atas tanah rizab jalan Persekutuan melibatkan sebanyak 130 lokasi papan iklan dengan kutipan bayaran LPS berjumlah RM0.15 juta. Butirannya seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5
KELULUSAN LPS DI ATAS TANAH RIZAB JALAN PERSEKUTUAN**

TAHUN	JENIS IKLAN DILULUSKAN	BIL. LOKASI	BAYARAN LPS YANG DIKUTIP (RM)
PDTDTL			
2012	Jangka Panjang (pemutihan)	1	5,000
2013	Jangka Pendek	16	7,200
2014	Jangka Pendek	8	11,200
2015	Jangka Pendek	18	30,000
2016	Jangka Panjang	1	40,000
	Jangka Pendek	14	25,000
JUMLAH		58	118,400
PDTDBD			
2012	Jangka Panjang (pemutihan)	6	30,000
2013	Jangka Pendek	21	4,800
2014	Jangka Pendek	13	0
2015	Jangka Pendek	21	0
2016	Jangka Pendek	11	0
JUMLAH		72	34,800
JUMLAH KESELURUHAN		130	153,200

Sumber: PDTDTL dan PDTDBD

- iii. Perkara ini berlaku disebabkan Laporan Tanah bagi LPS iklan tidak disediakan secara terperinci dan tiada pengesahan mengenai status jalan-jalan tersebut dibuat. Selain itu, Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Papan Iklan Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2012 bertarikh 21 September 2012 telah memutuskan untuk meluluskan LPS ke atas semua tanah Kerajaan Negeri dan rizab jalan sama ada milik PBT/Negeri/Persekutuan kecuali yang diwartakan dalam Seksyen 62 KTN semasa tempoh pemutihan. Kelulusan ini menyebabkan Kerajaan Negeri mengutip hasil Kerajaan Persekutuan sejumlah RM0.15 juta.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Kekeliruan dalam mempertimbangkan kelulusan permohonan adalah disebabkan rizab jalan Persekutuan hanya diwartakan berpandukan ukuran jarak (panjang jalan) tanpa memperincikan kelebaran jalan (had lebar kiri kanan jalan) secara jelas. Namun begitu, pentadbiran ini akan mendapatkan arahan Pihak Berkuasa Negeri supaya permohonan di sepanjang jajaran rizab Persekutuan pada masa hadapan tidak akan diproses.

Maklum Balas PDTDBD yang Diterima Pada 10 Mac 2017

LPS diluluskan di atas tanah rizab Persekutuan berdasarkan keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Papan Iklan di atas tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2012 bertarikh 21 September 2012 telah memutuskan untuk meluluskan LPS ke atas semua tanah Kerajaan Negeri dan rizab jalan sama ada milik PBT/Negeri/Persekutuan kecuali diwartakan dalam Seksyen 62 KTN semasa proses pemutihan.

Pada pendapat Audit, PDT dengan kerjasama pihak berkenaan perlu menentukan persempadanan rizab dan jalan supaya LPS tidak diluluskan di atas tanah bukan milik Kerajaan Negeri.

3.5.2. Kehilangan Hasil LPS

3.5.2.1. Pemalsuan Resit

- Seksyen 463, Kanun Keseksaan menyatakan sesiapa yang memalsukan dokumen dengan niat untuk melakukan penipuan adalah melakukan kesalahan.
- Semakan Audit mendapati, dua syarikat telah membuat 19 pemalsuan terhadap resit bayaran LPS dan wang proses berjumlah RM39,500. PDTDTL mengesahkan bahawa 16 pemalsuan tersebut melibatkan resit tidak wujud, dua kes melibatkan kes resit pembayaran cukai tanah dan satu kes melibatkan resit pembayaran dipalsukan daripada syarikat lain seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.6
PEMALSUAN RESIT BAYARAN LPS IKLAN**

JENIS IKLAN	JENIS BAYARAN				JUMLAH RESIT YANG DIPALSKUAN	
	WANG PROSES		LPS			
	BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)	BIL. KES	AMAUN (RM)
Jangka Pendek	9	1,500	9	18,000	18	19,500
Jangka Panjang	0	0	1	20,000	1	20,000
JUMLAH	9	1,500	10	38,000	19	39,500

Sumber: MBPP

- c. Pemalsuan ini berlaku disebabkan tiada koordinasi di antara MBPP dan PDT dalam pengesahan pengeluaran resit pembayaran. Ia juga disebabkan semakan yang kurang teliti terhadap maklumat di dalam borang permohonan oleh MBPP. Selain itu, dokumen sokongan seperti surat kelulusan LPS dan Borang 4A tidak disertakan bersama-sama permohonan lesen pamer.

Maklum Balas MBPP yang Diterima Pada 8 Mac 2017

MBPP mengambil maklum akan penemuan dari Audit mengenai pemalsuan resit. Perkara ini telah dirujuk kepada Pentadbir Tanah untuk pengesahan dan tindakan lanjut. Sekiranya didapati dokumen tersebut dipalsukan, satu laporan polis akan dibuat diikuti pembatalan lesen dan syarikat tersebut akan di senarai hitam daripada memohon lesen MBPP.

Pada pendapat Audit, MBPP perlu lebih teliti dalam memproses permohonan lesen pamer dan meningkatkan koordinasi dengan PDT.

3.5.2.2. Bayaran LPS Dikecualikan Sebelum Kelulusan MMK

- MMK Bil. 29/2015 bertarikh 15 September 2015 telah meluluskan permohonan pengecualian bayaran papan iklan bagi program/majlis/aktiviti Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada ahli MMK dan wakil rakyat Kerajaan Negeri berkuat kuasa 2 Mei 2014.
- Semakan Audit mendapati sebanyak 22 kes LPS iklan jangka pendek pada tahun 2013 dan 2014 tidak dikutip daripada ahli MMK dan wakil rakyat yang memohon LPS seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7
PENGECUALIAN BAYARAN LPS
IKLAN JANGKA PENDEK SEBELUM KELULUSAN MMK**

BIL.	RUJUKAN FAIL	TAJUK IKLAN	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TEMPOH LPS	BIL. KES	ANGGARAN LPS PATUT KUTIP (RM)
PDTDTL							
2013							
1.	PTTL/PP/H/JP/2/13	<i>Malaysia International Travel Mart</i>	29.05.2013	07.06.2013	27.05.2013 Hingga 09.07.2013	4	2,400
2.	PTTL/PP/H/JP/2/13	<i>Penang Green Expo 2013</i>	04.07.2013	12.07.2013	15.07.2013 Hingga 22.09.2013	3	1,800
3.	PTTL/PP/H/JP/3/13	<i>Penang Bridge International Marathon 2013</i>	29.10.2013	31.10.2013	31.10.2013 Hingga 17.11.2013	1	600
4.	PTTL/PP/H/JP/3/13	<i>5th Penang International</i>	18.11.2013	22.11.2013	22.11.2013 Hingga	3	1,800

BIL.	RUJUKAN FAIL	TAJUK IKLAN	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TEMPOH LPS	BIL. KES	ANGGARAN LPS PATUT KUTIP (RM)
		Halal Expo & Conference 2014			30.01.2014		
2014							
5.	PTTL/PP/H/JP/1/14	Penang Trade Event 2014	20.12.2013	29.01.2014	27.01.2014 Hingga 26.04.2014	4	2,400
6.	PTTL/PP/H/JP/1/14	Karnival Usahawan Pulau Pinang 2014	25.04.2014	30.04.2014	29.04.2014 Hingga 16.05.2014	1	600
JUMLAH						16	9,600
PDTDBD							
2013							
1.	PTBD/H/9 JLD.12(81)	Penang Trade Event 2014	23.12.2013	31.12.2013	20.01.2014 Hingga 19.01.2015	1	600
2.	PTBD/H/9 JLD.12(83)	Karnival Usahawan Pulau Pinang	17.12.2013	20.12.2013	20.12.2013	5	3,000
JUMLAH						6	3,600
JUMLAH KESELURUHAN						22	13,200

Sumber: PDTDTL dan PDTDBD

- c. Pengecualian bayaran kepada ahli MMK atau wakil rakyat dibuat sebelum kelulusan MMK menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil kutipan LPS dianggarkan sejumlah RM13,200.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Tiada mana-mana larangan yang tidak membolehkan Pentadbir Tanah menggunakan budi bicaranya pada masa tersebut untuk memberi pengecualian bayaran papan iklan bagi program/majlis/aktiviti Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada ahli MMK dan wakil rakyat Kerajaan Negeri. Keputusan MMK pada tahun 2015 yang bersetuju meluluskan pengecualian bayaran papan iklan ke atas permohonan daripada ahli MMK dan wakil rakyat untuk program anjuran Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk memudahkan Pentadbir Tanah memberi pengecualian secara terus tanpa permohonan pengecualian dikemukakan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu menetapkan had-had kuasa Pentadbir Tanah berkaitan pengecualian bayaran LPS papan iklan supaya tidak membuka ruang penyalahgunaan kuasa.

3.5.3. Kelemahan Pemantauan dan Penguatkuasaan

3.5.3.1. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara berterusan dan efektif bagi memastikan pemilik papan iklan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati berlaku kelemahan berikut:

a. Kelemahan Koordinasi Antara PDT dan MBPP

- i. Perenggan 3.1.12 Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Papan Iklan Bil.6/2012 bertarikh 20 Disember 2012 menyatakan syarikat pengiklanan/pemohon perlu merujuk kepada MBPP terlebih dahulu untuk mendapatkan kelulusan bersyarat bagi tapak yang dimohon sebelum kelulusan LPS dari PDT diperoleh. Penyelarasan dan koordinasi antara kedua-dua pihak adalah penting bagi memastikan pemohon berkenaan telah mematuhi syarat yang ditetapkan oleh kedua-dua pihak terlibat dan tidak berlaku kehilangan hasil.
- ii. Semakan Audit terhadap permohonan iklan jangka pendek yang dibuat mendapati sebanyak 27 kes pemohon hanya memohon lesen pamer di MBPP dan tidak memohon LPS di PDT seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.8
LESEN PAMER DIMOHON
DI MBPP TETAPI TIADA PERMOHONAN LPS DI PDT**

TAHUN	BIL. PERMOHONAN DI MBPP TIADA DI PDT		ANGGARAN LPS TIDAK DIKUTIP	
	BIL. KES	CAJ LESEN PAMER (RM)	WANG PROSES (RM)	LPS (RM)
PDTDTL				
2013	11	550	550	6,600
2014	4	200	200	2,400
2015	6	50	100	5,000
JUMLAH	21	800	850	14,000
PDTDBD				
2013	1	50	50	600
2014	2	0	0	0
2015	2	0	0	0
2016	1	0	0	0
JUMLAH	6	50	50	600
JUMLAH KESELURUHAN	27	850	900	14,600

Sumber: MBPP

- iii. Hal ini berlaku disebabkan masalah kurangnya koordinasi dan komunikasi antara PDT dan MBPP di mana Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Papan Iklan yang terakhir dibuat melibatkan kedua-dua pihak adalah pada 26 Ogos 2015. Selain itu, surat kelulusan LPS tidak

dijadikan sebagai syarat dokumen yang perlu disertakan semasa permohonan lesen iklan jangka pendek. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil LPS dianggarkan berjumlah RM15,500.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Koordinasi antara PDT dan MBPP perlu diselaraskan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan sebagai urus setia Mesyuarat Penyelarasaran Pengurusan Papan Iklan.

Maklum Balas MBPP yang Diterima Pada 8 Mac 2017

Semakan mendapati tiada permohonan diterima daripada pemohon yang mendapat kelulusan dari Pentadbir Tanah. Walau bagaimanapun, MBPP sedang membuat pemantauan ke atas struktur iklan jangka pendek berkenaan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi struktur yang tidak berlesen.

Pada pendapat Audit, Bahagian Kerajaan Tempatan bersama PDT dan MBPP perlu mempertingkatkan peranan masing-masing dalam pengurusan papan iklan.

b. Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa Permohonan LPS dan Lesen Pamer

- i. Seksyen 42(1)(c) KTN menyatakan PBN membenarkan pendudukan tanah dan rizab Kerajaan di bawah LPS untuk tempoh setahun yang berakhir 31 Disember setiap tahun dan seksyen 425(1)(a) KTN pula menyatakan mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan untuk satu tempoh setahun. Manakala perenggan 3, Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 menyatakan tiada seorang pun boleh memamerkan atau menyebab atau memberar dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi perenggan (1) dan (2).
- ii. Lawatan Audit ke lokasi yang dipilih mendapati sebanyak 29 papan iklan telah didirikan di tanah Kerajaan Negeri tanpa permohonan LPS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 iklan telah dipapar tanpa

permohonan lesen pamer dan bakinya sebanyak tiga struktur papan iklan didapati tiada iklan dipaparkan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.7



GAMBAR 3.8



Persimpangan Jalan Tengah/Jalan Mayang Pasir,

Daerah Barat Daya

- Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa LPS dan Lesen Pamer
(01.12.2016)

GAMBAR 3.9



Jalan Mahsuri (Berhampiran Stadium PISA),
Daerah Barat Daya

- LPS Tahun 2014 Telah Tamat dan Tiada
Pembayaran LPS Tahun 2015 dan 2016 Dibuat
Walaupun Surat Peringatan Telah Dikeluarkan
Pada Januari 2016 serta Tanpa Lesen Pamer
(01.12.2016)

GAMBAR 3.10



Persimpangan Jalan Tengah/Persiaran
Mahsuri (Berhampiran Hospital Pantai),

Daerah Barat Daya

- Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa LPS dan
Lesen Pamer
(01.12.2016)

GAMBAR 3.11



Persimpangan Jalan Thean Teik/Lebuhraya Thean Teik Jalan Angsana,
Daerah Timur Laut

- Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa LPS dan Lesen Pamer
(07.12.2016)

GAMBAR 3.12



GAMBAR 3.13



Jalan Kelawai, Daerah Timur Laut
- Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa
LPS
(07.12.2016)

GAMBAR 3.14



Persimpangan Jalan Scotland / Jalan Utama /
Jalan Sepoy Lines, Daerah Timur Laut
- Struktur Papan Iklan Didirikan Tanpa LPS
dan Lesen Pamer
(07.12.2016)

GAMBAR 3.15



Jalan Ayer Itam, Daerah Timur Laut
- LPS Tahun 2014 Telah Tamat dan
Tiada Pembayaran LPS Tahun 2015
dan 2016 Dibuat
(07.12.2016)

GAMBAR 3.16



Jalan Macalister, Daerah Timur Laut
- Papan Tanda Iklan Telah Didirikan Tanpa
LPS dan Lesen Pamer Serta Didirikan
di Laluan Pejalan Kaki
(07.12.2016)

- iii. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, MBPP telah mengeluarkan 14 Notis Untuk Mengambil Tindakan Penguatkuasaan dan tindakan perobohan telah dibuat terhadap 12 papan iklan seperti contoh di gambar berikut:

GAMBAR 3.17



Jalan Batu Maung, Daerah Barat Daya
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(01.12.2016)

GAMBAR 3.18



GAMBAR 3.19



GAMBAR 3.20



Jalan Telok Tempoyak, Daerah Barat Daya
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(01.12.2016)

GAMBAR 3.21



GAMBAR 3.22



Persimpangan Jln. Batu Maung/Jln. Telok Tempoyak, Daerah Barat Daya
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(01.12.2016)

GAMBAR 3.23



GAMBAR 3.24



Jalan Gertak Sanggul, Daerah Barat Daya
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(01.12.2016)

GAMBAR 3.25



GAMBAR 3.26



Jalan Pondok Upeh (Berhampiran MRSM Balik Pulau), Daerah Barat Daya
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(01.12.2016)

GAMBAR 3.27



GAMBAR 3.28



Jalan Bukit Gambir (Berhampiran Desa Siswa USM), Daerah Timur Laut
- Tindakan Perobohan Telah Diambil oleh MBPP
(07.12.2016)

GAMBAR 3.29



GAMBAR 3.30



Persimpangan Jalan Bukit Gambir/Jalan Pekaka, Daerah Timur Laut
- Notis Untuk Mengambil Tindakan Penguatkuasaan Telah Dikeluarkan Bertarikh 1 Februari 2017
(07.12.2016)

- iv. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati papan iklan yang didirikan tersebut telah rosak dan boleh membahayakan keselamatan awam seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.31



GAMBAR 3.32



Persimpangan Jalan Scotland/Jalan Utama/Jalan Sepoy Lines, Daerah Timur Laut
- Tiang Besi Struktur Papan Iklan Telah Berkarat dan Reput
(07.12.2016)

GAMBAR 3.33



GAMBAR 3.34



Persimpangan Jalan Scotland/Jalan Utama/Jalan Sepoy Lines, Daerah Timur Laut
- Tiang Besi Struktur Papan Iklan Telah Berkarat dan Reput
(07.12.2016)

GAMBAR 3.35



GAMBAR 3.36



Jalan Kelawai, Daerah Timur Laut
- Nuts Yang Dipasang Pada Bolt Tiang Papan Iklan Telah Tertanggal
(07.12.2016)

- v. Perkara ini berlaku disebabkan PDT berpandangan penguatkuasaan dan perobohan struktur papan iklan di bawah bidang kuasa PBT. Kehilangan hasil LPS dianggarkan berjumlah RM85,000 dan hasil lesen pamer dianggarkan berjumlah RM5,740.

Maklum Balas PDTDTL yang Diterima Pada 13 Mac 2017

Semakan struktur papan iklan sedang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan dan Teknikal bermula daripada 20 Februari 2017. Tindakan mengeluarkan Notis 425 KTN akan dibuat selepas senarai penuh disahkan.

Maklum Balas MBPP yang Diterima Pada 8 Mac 2017

Notis kepada pemunya struktur papan iklan berkenaan telah dikeluarkan supaya papan iklan berkenaan diturunkan. Tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan terhadap paparan iklan luar tanpa kebenaran perlu dipertingkatkan di peringkat PDT dan MBPP.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pelaksanaan pengurusan papan iklan luar serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, PDT dan MBPP disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

- 3.6.1. memastikan SOP bagi iklan jangka pendek disediakan, tempoh yang ditetapkan dalam memproses permohonan LPS dan lesen pamer dipatuhi, permohonan yang dibuat melalui proses yang ditetapkan dan keseragaman oleh PDT dan MBPP dalam mematuhi arahan yang diberikan;
- 3.6.2. mempertingkatkan koordinasi antara PDT dan MBPP bagi memastikan tidak berlaku kes pemalsuan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat iklan yang mendirikan papan iklan tanpa kebenaran yang menyebabkan kehilangan hasil;
- 3.6.3. Bahagian Kerajaan Tempatan melalui Jawatankuasa Penyelarasaran Pengurusan Papan Iklan di Atas Tanah Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan yang lebih penting dalam menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas paparan iklan luar tanpa kebenaran supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan; dan
- 3.6.4. PDT dengan kerjasama pihak-pihak terlibat hendaklah menyelesaikan isu berkaitan status pemilikan tanah yang tidak dikenal pasti seperti persempadanan tanah dan rizab Negeri dan Persekutuan supaya kutipan hasil paparan iklan luar dan tindakan penguatkuasaan dapat dibuat.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4. INVEST-IN-PENANG BERHAD

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Invest-In-Penang Berhad (IPB) telah diperbadankan pada 5 November 2004 di bawah Akta Syarikat 1965. IPB adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI). Sebagai sebuah agensi yang berperanan mempromosi pelaburan bagi Negeri Pulau Pinang, IPB menetapkan objektif penubuhannya adalah untuk mengekal dan merancakkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan meningkatkan aktiviti perniagaan melalui kemasukan pelaburan dalam dan luar negara serta meneroka peluang pelaburan baru. Selain itu, IPB merupakan agensi sehenti (*one stop*) yang membekalkan maklumat terkini mengenai peluang pelaburan dan menfasilitasikan perniagaan dalam setiap peringkat termasuk pelaburan yang baru. Aktiviti utama yang dijalankan oleh IPB adalah bagi menggalakkan kemasukan pelaburan melalui promosi, menyediakan perkhidmatan fasilitasi kepada pelabur serta melaksanakan strategi tidak langsung penggalakan pelaburan melalui *Penang Career Assistance And Talent Centre (Penang CAT)*, *Small And Medium Enterprises Market Advisory Resource And Training (SMART) Centre* serta program *Accelerator For Creative, Analytics And Technology (@CAT)*. Geran tahunan yang diterima bagi tahun 2013 hingga 2016 berjumlah RM5 juta.

4.1.2. IPB dianggotai oleh 15 orang Ahli Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang. Pengurusan IPB pula diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 23 orang kakitangan. Pengurusan IPB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures (SOP)* syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus IPB adalah memuaskan serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Analisis prestasi kewangan dijalankan bagi tahun 2013

hingga 2015. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2016.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan IPB. Analisis kewangan dilaksanakan terhadap penyata kewangan beraudit Syarikat bagi tahun 2013 hingga 2015 untuk menilai prestasi kewangan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai IPB. Lawatan Audit telah dibuat ke *Small And Medium Enterprises Market Advisory Resource And Training (SMART) Centre*, Tingkat 2 & 3 Wisma Yeap Chor Ee, Penang CAT Centre KOMTAR, Penang SME Centre, Penang Technocentre dan Taman Perindustrian Batu Kawan. *Exit conference* telah diadakan pada 19 Januari 2017 dan dipengerusikan oleh Pengurus Besar IPB serta dihadiri oleh Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2016 mendapati, walaupun IPB mengalami defisit bagi tiga tahun berturut-turut namun prestasi kewangan adalah memuaskan kerana berupaya meneruskan aktiviti Syarikat menggunakan lebihan terkumpul geran Kerajaan yang diterima bagi tahun-tahun sebelumnya dan masih mempunyai baki terkumpul pada akhir tahun 2015 walaupun jumlahnya berkurangan. Sementara itu, prestasi kemasukan pelaburan serta perkhidmatan fasilitasi adalah baik dan secara keseluruhannya pengurusan aktiviti IPB adalah teratur. Manakala tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan seperti ringkasan berikut:

- i. rumusan pelaksanaan misi ke luar negara tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah;
- ii. ruang pejabat SMART Centre yang disewa tidak digunakan sepenuhnya. Selain itu, penyewaan ruang duduk *co-working* di bawah program *Accelerator For Creative, Analytics And Technology (@CAT)* kurang mendapat sambutan manakala projek *Creative Animation Triggers* tidak dilaksanakan; dan
- iii. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan dan pengauditan dalaman tidak dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2016.

4.5.1. Prestasi Kewangan

4.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Surplus/Defisit

- a. Di awal penubuhan IPB, geran diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Bagaimanapun, mulai tahun 2009 IPB hanya menerima geran daripada PDC sahaja dengan kelulusan Lembaga Pengarah PDC. Geran daripada Kerajaan Negeri tidak diterima mulai tahun 2007 walaupun mengikut M&A Syarikat, IPB merupakan sebuah syarikat di bawah SSI.
- b. IPB memperoleh pendapatan melalui geran dan juga pendapatan lain yang terdiri dari faedah deposit jangka pendek serta keuntungan tidak nyata dalam pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2013, jumlah pendapatan adalah RM1.24 juta dan menurun sejumlah RM1.05 juta (84.7%) kepada RM188,516 pada tahun 2014 disebabkan tiada geran diterima dari PDC di samping penurunan faedah deposit jangka pendek. Pada tahun 2015, pendapatan meningkat sejumlah RM1.44 juta (763.9%) kepada RM1.63 juta disebabkan oleh geran yang diterima dari PDC serta peningkatan keuntungan tidak nyata dalam pertukaran mata wang asing. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.
- c. Perbelanjaan IPB melibatkan perbelanjaan pentadbiran seperti bayaran gaji, elaun, insurans dan faedah perubatan. Manakala perbelanjaan operasi antaranya terdiri daripada misi ke luar negara, pameran dan seminar, tuntutan perjalanan, keraian dan bayaran profesional. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013, daripada keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM2.55 juta, RM1.50 juta (58.8%) adalah perbelanjaan pentadbiran berbanding perbelanjaan operasi berjumlah RM1.05 juta (41.2%). Perbelanjaan pentadbiran bagi tahun 2014 adalah RM1.84 juta (55.8%) dan perbelanjaan operasi pula berjumlah RM1.46 juta (44.2%) daripada keseluruhan perbelanjaan sejumlah RM3.30 juta. Sementara itu, bagi tahun 2015 jumlah perbelanjaan pentadbiran adalah RM1.87 juta (57.7%) daripada keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM3.24 juta dan selebihnya adalah perbelanjaan operasi iaitu berjumlah RM1.37 juta (42.3%). Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.
- d. Perbelanjaan IPB bagi tahun 2014 meningkat sejumlah RM0.75 juta (29.4%) kepada RM3.30 juta berbanding RM2.55 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan misi ke luar negara, emolumen serta pameran dan seminar. Manakala perbelanjaan bagi tahun 2015 menurun sejumlah RM64,706 (1.8%) daripada RM3.30 juta kepada RM3.24 juta berbanding tahun sebelumnya disebabkan penurunan

perbelanjaan misi ke luar negara, pameran dan seminar serta susut nilai aset. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.1**.

- e. IPB merupakan syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan tetapi berteraskan perkhidmatan kepada pelabur tanpa sebarang caj. IPB mengalami defisit sebelum cukai berjumlah RM1.32 juta pada tahun 2013 dan jumlah ini meningkat sebanyak RM1.79 juta (135.6%) kepada RM3.11 juta pada tahun berikutnya. Peningkatan defisit sebelum cukai bagi tahun 2014 disebabkan penurunan pendapatan kerana tiada geran diterima selain perbelanjaan pentadbiran yang meningkat. Manakala defisit sebelum cukai menurun sejumrah RM1.50 juta (48.2%) kepada RM1.61 juta pada tahun 2015 disebabkan oleh peningkatan pendapatan daripada geran yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.1** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN
DEFISIT BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015


	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Pendapatan	1,000,000	-	1,500,000
Pendapatan Lain	239,376	188,516	127,891
Jumlah Pendapatan	1,239,376	188,516	1,627,891
Perbelanjaan Pentadbiran	(2,554,488)	(3,300,251)	(3,235,545)
Defisit Sebelum Cukai	(1,315,112)	(3,111,735)	(1,607,654)
Cukai	(55,954)	(43,492)	(29,460)
Defisit Selepas Cukai	(1,371,066)	(3,155,227)	(1,637,114)
Baki Terkumpul	5,691,108	2,535,881	898,767

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 4.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
2013 HINGGA 2015



CARTA 4.2
TREND DEFISIT SEBELUM CUKAI
DAN BAKI TERKUMPUL BAGI TAHUN
2013 HINGGA 2015



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

4.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan IPB dengan lebih jelas, analisis nisbah semasa dan nisbah hutang telah dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat bagi tahun kewangan 2013 hingga 2015.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa IPB adalah antara 1.4:1 dan 3.2:1. Nisbah semasa IPB telah menurun dari 3.2:1 pada tahun 2013 kepada 2.0:1 pada tahun 2014 dan 1.4:1 pada tahun 2015 disebabkan oleh pengurangan jumlah aset semasa syarikat. Walaupun kadar nisbah semasa menurun namun IPB masih berupaya untuk menjelaskan hutang dalam jangka masa pendek. Analisis nisbah adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2
ANALISIS NISBAH SEMASA IPB BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) [a]	LIABILITI SEMASA (RM Juta) [b]	NISBAH SEMASA [a/b]
	2013	7.96	2.48	3.2:1
	2014	4.83	2.41	2.0:1
	2015	2.65	1.87	1.4:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

b. Nisbah Hutang

Nisbah hutang bertujuan untuk mengukur kemampuan syarikat memenuhi obligasi kepada pembiutang. Pada umumnya, semakin rendah nisbah adalah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat tidak terlalu bergantung kepada pinjaman bagi melancarkan operasinya. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013 dan 2014, nisbah hutang yang dicatat adalah kurang daripada 50% iaitu pada kadar 30.4% dan 48.7%. Bagi tahun 2015, kadar nisbah hutang meningkat kepada 67.8% disebabkan penurunan jumlah aset iaitu deposit jangka pendek. Walau bagaimanapun, IPB masih dapat memenuhi obligasi kepada pembiutang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
ANALISIS NISBAH HUTANG IPB BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

NISBAH HUTANG	TAHUN	LIABILITI (RM Juta) [a]	ASET (RM Juta) [b]	NISBAH HUTANG (%) [a/b] x 100
	2013	2.48	8.17	30.4
	2014	2.41	4.95	48.7
	2015	1.87	2.76	67.8

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

4.5.2. Pengurusan Aktiviti

IPB merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri yang mempromosikan pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Objektifnya ialah untuk menggalakkan kemasukan pelaburan dalam dan luar negara. IPB berperanan menjadi pemudah cara bagi pelaksanaan projek pelaburan dan menyediakan perkhidmatan sokongan dalam mengekalkan hubungan dengan pelabur. Di samping itu, IPB juga melaksanakan strategi tidak langsung seperti menyediakan perkhidmatan sumber manusia, menggalakkan pertumbuhan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (SME) serta mempromosikan sektor sains dan teknologi serta kluster animasi kreatif bagi merancakkan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

4.5.2.1. Prestasi Pencapaian Pelaburan

- a. Sasaran kemasukan pelaburan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah IPB manakala pencapaian sebenar adalah berdasarkan maklumat pelaburan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Lembaga Pengarah IPB telah menetapkan sasaran pelaburan pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM3 bilion dan RM4 bilion. Bagi tahun 2015 dan 2016, IPB mensasarkan RM4.50 bilion setiap tahun. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga 2015, kemasukan pelaburan di Negeri Pulau Pinang telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah IPB. Bagi tahun 2013, kemasukan pelaburan adalah RM3.91 bilion (130.3%) berbanding sasaran RM3 bilion. Manakala bagi tahun 2014 dan 2015 pencapaian kemasukan pelaburan berbanding sasaran adalah RM8.16 bilion (204%) dan RM6.72 bilion (149.3%). Bagaimanapun, bagi tahun 2016 kemasukan pelaburan adalah baik walaupun tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM4.29 bilion (95.3%) daripada sasaran yang ditetapkan sejumlah RM4.50 bilion. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4
PENCAPAIAN PELABURAN
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	SASARAN PELABURAN (RM Bilion)	PENCAPAIAN PELABURAN	
		JUMLAH (RM Bilion)	PERATUS (%)
2013	3.00	3.91	130.3
2014	4.00	8.16	204
2015	4.50	6.72	149.3
2016	4.50	4.29	95.3

Sumber: IPB dan MIDA

- b. Analisis Audit mendapati jumlah pelaburan pada tahun 2013 bagi sektor perindustrian berjumlah RM3.91 bilion dan telah meningkat sebanyak 108.7% kepada RM8.16 bilion pada tahun 2014 disebabkan peningkatan nilai pelaburan yang tinggi dari Singapura dan kemasukan pelaburan baru dari Republik Ireland. Bagaimanapun, jumlah pelaburan pada tahun 2015 menurun sebanyak 17.6% kepada RM6.72 bilion dan seterusnya menurun kepada RM4.29 bilion (36.2%) pada tahun 2016 disebabkan penurunan nilai pelaburan yang ketara dari Singapura dalam tahun 2015 dan juga dari Amerika Syarikat dalam tahun 2016.
- c. Daripada kemasukan pelaburan berjumlah RM3.91 bilion pada tahun 2013, RM1.79 bilion (45.8%) adalah pelaburan dari luar negara. Manakala pelaburan luar negara bagi tahun 2014 adalah RM5.11 bilion (62.6%) daripada RM8.16 bilion. Seterusnya bagi tahun 2015, kemasukan pelaburan luar negara adalah RM4.50 bilion (67%) daripada RM6.72 bilion. Sementara itu, bagi tahun 2016 jumlah pelaburan luar negara adalah RM3.06 bilion (71.3%) berbanding jumlah keseluruhan pelaburan RM4.29 bilion.
- d. Bagi tahun 2013 hingga 2016, IPB telah melaksanakan 55 misi perdagangan melibatkan 68 buah negara antaranya 11 misi masing-masing ke Singapura dan China, tujuh misi ke Taiwan, enam misi masing-masing ke Indonesia dan Hong Kong, lima misi ke Jerman, empat misi ke Amerika Syarikat, tiga misi ke Jepun serta dua misi masing-masing ke Netherlands, Korea, Thailand dan United Kingdom.
- e. Bagi tahun 2013 hingga 2016, negara yang dilawati antaranya Singapura, Amerika Syarikat, China, Jerman, Jepun dan Taiwan telah mencatatkan kedudukan lima teratas kemasukan pelaburan ke negeri Pulau Pinang. Mengikut rekod MIDA, jumlah kemasukan pelaburan luar negara bagi kedudukan lima teratas dalam tahun 2013 dicatatkan oleh Singapura diikuti oleh Amerika Syarikat, Jerman, British Virgin Island dan Jepun. Manakala bagi tahun 2014, pelaburan yang tertinggi adalah dari Singapura, Republik Ireland, Amerika Syarikat, Netherlands dan Switzerland. Sementara itu,

Amerika Syarikat, China, Netherlands, Jerman dan Taiwan mencatatkan kedudukan lima teratas dalam tahun 2015. Lima negara yang mencatatkan kedudukan teratas dalam tahun 2016 adalah China, Luxembourg, Jerman, Amerika Syarikat dan Singapura. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5
KEMASUKAN PELABURAN MENGIKUT
NEGARA BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016**

TAHUN	NEGARA	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)
2013	Singapura	621.51
	Amerika Syarikat	506.84
	Jerman	227.51
	British Virgin Island	159.40
	Jepun	144.18
2014	Singapura	3,096.96
	Republik Ireland	842.03
	Amerika Syarikat	287.73
	Netherlands	185.71
	Switzerland	184.00
2015	Amerika Syarikat	2,461.66
	China	976.36
	Netherlands	509.47
	Jerman	241.97
	Taiwan	181.37
2016	China	709.91
	Luxembourg	539.09
	Jerman	403.73
	Amerika Syarikat	390.28
	Singapura	326.72

Sumber: MIDA

- f. Selain itu, pada tahun 2013, Pulau Pinang menduduki tempat keempat dalam Malaysia dari segi jumlah kemasukan pelaburan langsung asing manakala pada tahun 2014, Pulau Pinang menduduki tempat ketiga. Pada tahun 2015, Pulau Pinang berjaya menduduki tempat pertama sementara pada tahun 2016 menduduki tempat ketiga.

4.5.2.2. Pelaksanaan Perkhidmatan Fasilitasi

- a. Fasilitasi merupakan aktiviti utama Syarikat yang melibatkan Bahagian Industri dan Bahagian *Global Business Service/Creative/Services*. Antara perkhidmatan fasilitasi yang diberi adalah sesi perbincangan menerangkan peranan dan perkhidmatan yang akan diberi kepada pelabur, mencadangkan lokasi bersesuaian untuk pelabur, lawatan tapak dan tindakan susulan. IPB

juga akan menyalurkan maklumat tambahan melalui email atau lain-lain saluran kepada pelabur dari semasa ke semasa.

- b. Semakan Audit terhadap rekod Mesyuarat IPB Bersama Pelabur bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati sebanyak 262 pelabur yang memerlukan perkhidmatan fasilitasi telah diberi perkhidmatan tersebut oleh IPB. Bagi tahun 2014, sebanyak 83 fasilitasi telah dilaksanakan melibatkan sekurang-kurangnya 19 buah negara. Manakala bagi tahun 2015, bilangan fasilitasi meningkat sebanyak 16 kepada 99 fasilitasi melibatkan 23 buah negara. Sementara itu, bagi tahun 2016 sebanyak 80 fasilitasi telah dilaksanakan melibatkan 25 buah negara. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.6
PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
FASILITASI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BIL.	NEGARA	JUMLAH FASILITASI	SUMBER RUJUKAN FASILITASI		
				SECARA TERUS MELALUI AKTIVITI FASILITASI/MISI PELABURAN	MIDA	AGENSI LAIN
2014	1.	Amerika Syarikat	23	TM	TM	TM
	2.	Malaysia	14			
	3.	Singapura	8			
	4.	Jepun	7			
	5.	Jerman	6			
	6.	Australia	4			
	7.	China	3			
	8.	Switzerland	3			
	9.	Perancis	2			
	10.	Hong Kong	2			
	11.	Taiwan	2			
	12.	United Kingdom	2			
	13.	Lain-lain	7			
Jumlah			83	TM	TM	TM
2015	1.	Amerika Syarikat	26	16	4	6
	2.	Malaysia	16	11	0	5
	3.	Jepun	7	1	3	3
	4.	United Kingdom	7	3	1	3
	5.	China	6	1	2	3
	6.	Jerman	6	5	0	1
	7.	India	4	0	3	1
	8.	Korea	4	1	0	3
	9.	Perancis	3	3	0	0
	10.	Hong Kong	3	0	0	3
	11.	Singapura	3	1	1	1
	12.	Australia	2	1	1	0
	13.	Switzerland	2	0	0	2
	14.	Lain-lain	10	2	0	8
Jumlah			99	45	15	39
2016	1.	Amerika Syarikat	22	11	3	8
	2.	Malaysia	9	7	0	2

TAHUN	BIL.	NEGARA	JUMLAH FASILITASI	SUMBER RUJUKAN FASILITASI		
				SECARA TERUS MELALUI AKTIVITI FASILITASI/MISI PELABURAN	MIDA	AGENSI LAIN
2013	3.	Singapura	10	5	0	5
	4.	Jepun	5	1	1	3
	5.	China	5	1	3	1
	6.	Perancis	4	2	0	2
	7.	Jerman	3	2	1	0
	8.	United Kingdom	3	0	0	3
	9.	Hong Kong	2	0	1	1
	10.	Taiwan	2	2	0	0
	11.	Lain-lain	15	7	2	6
	Jumlah		80	38	11	31
JUMLAH BESAR			262			

Sumber: IPB

Nota: TM - Tiada Maklumat

c. Bagi memastikan pelaburan yang telah diluluskan dilaksanakan, IPB bekerjasama rapat bersama MIDA dalam menfasilitasi projek baru. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2013, bilangan projek pelaburan bagi sektor perindustrian yang telah dilaksanakan adalah 103 projek (86.6%) berbanding bilangan projek yang diluluskan sebanyak 119 projek. Bagi tahun 2014, projek yang dilaksanakan adalah 143 (84.6%) berbanding bilangan yang telah diluluskan sebanyak 169 projek. Manakala bagi pelaburan yang diluluskan pada tahun 2015 sebanyak 107 projek, 89 (83.2%) telah dapat dilaksanakan. Seterusnya bagi tahun 2016, bilangan projek yang dilaksanakan adalah 76 (71.7%) berbanding bilangan yang telah diluluskan sebanyak 106 projek. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 4.7**. Berdasarkan peratusan tersebut, bilangan projek pelaburan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah baik.

JADUAL 4.7
BILANGAN PROJEK PELABURAN YANG DILAKSANAKAN BERBANDING PROJEK PELABURAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN PROJEK PELABURAN		PERATUS DILAKSANAKAN BERBANDING DILULUSKAN (%)
	DILULUSKAN	DILAKSANAKAN	
2013	119	103	86.6
2014	169	143	84.6
2015	107	89	83.2
2016	106	76	71.7

Sumber: MIDA

4.5.2.3. Aktiviti Untuk Menggalakkan Kemasukan Pelaburan

a. Program Promosi Luar Negara

Menurut amalan terbaik yang ditetapkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), fungsi asas Lembaga Pengarah adalah untuk memantau prestasi pihak pengurusan bagi menentukan urusan syarikat dilaksanakan dengan teratur. Bagi tahun 2013 hingga 2016, sebanyak 55 misi ke luar negara melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.29 juta telah dilaksanakan oleh IPB. Pihak Audit mendapati laporan berkaitan promosi luar negara tidak dimaklumkan secara terperinci mengikut setiap misi kepada Lembaga Pengarah. Perkara ini boleh menyebabkan peranan Lembaga Pengarah dalam memantau aktiviti syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

Rumusan hasil misi luar negara yang dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah adalah maklumat penting dan pandangan keseluruhan (dashboard view) yang dapat membantu dan membolehkan Lembaga Pengarah menjalankan tugas-tugas mereka serta membolehkan mereka memantau prestasi IPB berkenaan pencapaian sasaran KPI. Namun, IPB akan mempertimbangkan untuk memberi maklumat yang lebih terperinci berkenaan dengan misi luar negara kepada Lembaga Pengarah.

b. Program Promosi Dalam Negara

Bagi menarik dan menggalakkan pelaburan dalam negara, IPB telah menganjurkan program seperti *Penang Economic Conference*, *SEMICON*, *Penang SME Forum* dan *The CEO Speaks*. Selain itu, IPB juga menyertai program promosi di dalam dan luar negeri Pulau Pinang seperti *SSO Conference*, *Supplier Day* dan *NEPCON Malaysia*. Objektifnya adalah untuk mempromosi Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelaburan dan memberi maklumat terkini mengenai isu semasa kepada pelabur industri. Semakan Audit mendapati IPB telah melaksanakan program promosi seperti yang dirancang. Bagi tahun 2013 hingga 2016, sebanyak 56 program promosi dalam negara melibatkan perbelanjaan berjumlah RM194,625 telah dilaksanakan terdiri daripada 38 program anjuran IPB dan 18 program anjuran agensi lain yang disertai. Berdasarkan rekod kehadiran peserta bagi 17 daripada 38 program yang dianjurkan mendapati program promosi mendapat sambutan yang baik dengan peratus kehadiran peserta antara 69.4% hingga 123.5%. Daripada 17 program tersebut, tujuh program

mencapai sasaran bilangan peserta yang ditetapkan manakala bagi sepuluh program yang tidak mencapai sasaran bilangan peserta, peratus kehadiran adalah baik iaitu antara 69.4% dan 93.8%. Butiran seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.8
SAMBUTAN PESERTA BAGI PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH IPB**

TAHUN	NAMA PROGRAM	BILANGAN PESERTA		PERATUS (%)
		ANGGARAN	SEBENAR	
2013	<i>Penang Economic Conference</i>	181	210	116.0
	<i>The CEO Speaks - 8.3.2013</i>	131	118	90.1
	<i>The CEO Speaks - 27.11.2013</i>	32	30	93.8
2014	<i>International Seminar On Product Related Environmental Regulations</i>	81	100	123.5
	<i>CM's Dialogue With The Industry</i>	162	137	84.6
	<i>The CEO Speaks - 25.2.2014</i>	70	62	88.6
	<i>The CEO Speaks - 25.3.2014</i>	97	74	76.3
	<i>The CEO Speaks - 14.8.2014</i>	44	35	79.5
	<i>The CEO Speaks - 18.12.2014</i>	33	30	90.9
2015	SEMICON South East Asia 2015	200	230	115.0
	<i>The CEO Speaks - 4.2.2015</i>	52	47	90.4
2016	SEMICON 2016	200	230	115.0
	<i>The CEO Speaks - 4.1.2016</i>	146	180	123.3
	<i>The CEO Speaks - 27.4.2016</i>	60	70	116.7
	<i>The CEO Speaks - 11.7.2016</i>	86	95	110.5
	<i>The CEO Speaks - 24.10.2016</i>	85	59	69.4
	<i>Seminar on 'Penang - Your Location To Invest, Work, Live And Play' for PFS Alumni</i>	60	47	78.3

Sumber: IPB

4.5.2.4. Strategi Tidak Langsung Penggalakan Pelaburan

a. Ruang Pejabat *Small And Medium Enterprises Market Advisory Resource And Training (SMART) Centre* Yang Disewa Tidak Digunakan Sepenuhnya

- i. SMART Centre telah dilancarkan pada tahun 2010 hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan IPB bagi menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dengan membantu mewujudkan peluang perniagaan baru dan memberi maklumat mengenai skim bantuan kewangan. IPB telah menyewa ruang pejabat untuk pengurusan SMART Centre di bangunan *Penang Skills Development Centre (PSDC)* sejak bulan Januari 2010. Pejabat ini meliputi ruang pameran produk SME, sudut maklumat berkaitan SME dan bilik latihan. Bilik latihan digunakan untuk mengadakan acara seperti ceramah, seminar, bengkel dan perbincangan meja bulat bagi kapasiti tidak melebihi 45 orang peserta. Bagi tahun 2013 hingga 2016, IPB telah

membelanjakan sejumlah RM144,714 bagi bayaran kos sewaan ruang pejabat tersebut.

- ii. Pihak Audit mendapati ruang pejabat ini tidak digunakan sepenuhnya memandangkan pelawat yang berurusan secara terus adalah tidak menggalakkan dan pendaftaran SME boleh dibuat secara talian tanpa perlu hadir ke pejabat. Bagi tahun 2013 hingga 2016, hanya 117 (20.1%) daripada 583 pelawat telah berurusan secara terus berbanding 466 pelawat yang berurusan melalui telefon dan e-mel. Selain itu, kakitangan tidak ditugaskan secara tetap di pejabat tersebut. Pejabat SMART Centre juga ditutup jika terdapat program lain yang perlu diuruskan oleh kakitangan berkenaan.
- iii. Semakan lanjut mendapati acara juga kurang dilaksanakan oleh SMART Centre. Bagi tahun 2013 hingga 2016, hanya 37 acara sahaja dianjurkan. Daripada 37 acara tersebut, hanya 32 acara dilaksanakan di bilik latihan manakala lima acara melibatkan bilangan peserta melebihi 45 orang telah diadakan di PSDC *Function Room* dan juga hotel yang berdekatan. IPB perlu menanggung perbelanjaan tambahan bagi sewaan auditorium dengan bayaran sejumlah RM38,995.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

Kecekapan penggunaan ruang pejabat SMART Centre akan dinilai semula.

Pihak Audit berpendapat, sewaan ruang pejabat ini perlu dikaji semula kerana kadar penggunaan ruang adalah amat terhad.

b. Penganjuran Program di Wisma Yeap Chor Ee

- i. Program *Accelerator* di Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di Wisma Yeap Chor Ee (WYCE) iaitu sebuah bangunan warisan berkeluasan 40,402 kaki persegi yang dipajak kecil oleh PDC dari Wawasan Open University Sdn. Bhd. dengan bayaran bulanan bermula RM40,402. WYCE telah diubah suai dengan kos anggaran bernilai RM8.61 juta di mana tingkat 2 dikhkusukan untuk projek *Creative Animation Triggers* dan tingkat 3 bagi program *Accelerator For Creative, Analytics & Technology (@CAT)*.
- ii. Mengikut perancangan awal yang dibuat pada bulan April 2016, tingkat 2 WYCE dengan anggaran keluasan 11,895 kaki persegi yang dikhkusukan untuk projek *Creative Animation Triggers* akan disewakan kepada dua buah institusi pendidikan swasta dan sebuah syarikat.

Namun, perancangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana persetujuan bersama tidak dapat dicapai.

- iii. Program @CAT di tingkat 3 WYCE pula mempunyai tiga strategi antaranya menyediakan ruang *co-working* untuk sewaan dengan kemudahan Internet berkelajuan tinggi. Sebanyak 56 ruang duduk disediakan untuk sewaan dalam ruang *co-working* melibatkan anggaran keluasan 11,895 kaki persegi. Analisis Audit mendapati daripada tempoh 15 bulan beroperasi iaitu bermula bulan Oktober 2015 hingga Disember 2016, 12 bulan mencatatkan peratus sewaan yang rendah iaitu antara 3.6% dan 48.2%. Manakala hanya tiga bulan mencatatkan peratus sewaan antara 50% dan 55.4%. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9
PENYEWAAN RUANG DUDUK CO-WORKING**

TAHUN	BULAN	RUANG DUDUK YANG DISEDIAKAN	RUANG DUDUK YANG DISEWAKAN	(%)
2015	Oktober	56	2	3.6
	November		5	8.9
	Disember		5	8.9
2016	Januari		4	7.1
	Februari		11	19.6
	Mac		10	17.9
	April		13	23.2
	Mei		8	14.3
	Jun		16	28.6
	Julai		7	12.5
	Ogos		31	55.4
	September		28	50.0
	Oktober		21	37.5
	November		28	50.0
	Disember		27	48.2
JUMLAH		56	216	

Sumber: IPB

- iv. Pihak Audit juga mendapati promosi @CAT melalui *Facebook*, *Instagram* dan *Tweeter* kurang mendapat sambutan berdasarkan bilangan *followers* memandangkan dalam tempoh antara sembilan bulan dan satu tahun promosi, bilangan *followers* adalah kecil iaitu antara 26 dan 620.
- v. Penyewaan WYCE dibiayai oleh PDC dan bayaran sewaan ruang duduk oleh penyewa perlu dibuat terus kepada PDC. IPB hanya diberi tanggungjawab bagi menguruskan program di WYCE sahaja. Pihak Audit mendapati ruang yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya walaupun PDC perlu menanggung kos sewaan bulanan bagi tingkat 2 dan 3 WYCE.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

Program @CAT hanya dilancarkan pada bulan Oktober 2015 dan mengikut trend industri, proses membangunkan komuniti ‘tech accelerator’ termasuk kadar penggunaan ruang co-working ke tahap kejayaan akan mengambil masa. Purata sehari penyewaan ruang duduk co-working setiap bulan telah mencapai 45% dalam bulan Oktober dan November 2016 manakala peratus penyewaan menurun pada bulan Disember 2016 disebabkan musim cuti. Walaupun pada kebanyakan masa, komunikasi dilaksanakan melalui e-mel memandangkan @CAT kini mempunyai lebih 3,000 nama serta alamat dalam rekod, usaha akan diambil untuk meningkatkan publisiti melalui Facebook dan Tweeter mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan apabila ia lebih berkesan. Secara keseluruhannya, perancangan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan promosi dan meningkatkan perkhidmatan di @CAT.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti IPB adalah teratur kerana kemasukan pelaburan telah mencapai sasaran yang ditetapkan selain aktiviti utama syarikat iaitu perkhidmatan fasilitasi telah dilaksanakan dengan baik.

4.5.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat IPB adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan seperti berikut:

4.5.3.1. Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah

- a. Selaras dengan amalan terbaik Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Putrajaya Committee On GLC High Performance (PCG) Perenggan 1.1.2 yang menyatakan satu pertiga keahlian hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas. Pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif dan bebas serta berwibawa bertujuan memberi impak dan keberkesanan terhadap hala tuju dan tadbir urus syarikat. Semakan Audit mendapati daripada 15 ahli Lembaga Pengarah yang dilantik, seorang adalah wakil Kerajaan manakala selebihnya terdiri dari Pengarah Bukan Eksekutif. Selain

itu, ahli Lembaga Pengarah juga tidak menerima sebarang bayaran atau faedah dari Syarikat.

- b. Di samping itu, mengikut amalan terbaik mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah IPB telah bermesyuarat sebanyak satu kali pada tahun 2013, tiga kali pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 mesyuarat telah diadakan sebanyak dua kali. Bagi tahun 2016, IPB telah bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu pada bulan Jun dan November 2016.

4.5.3.2. Pengurus Besar

Menurut Buku Hijau Teras Dasar dan Garis Panduan, Para 1.1.3. pengasingan peranan yang ketara antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) perlu diwujudkan. IPB diketuai oleh Pengurus Besar yang bertanggungjawab terhadap pengurusan operasi Syarikat. Semakan Audit mendapati Pengurus Besar telah dilantik dengan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan perakaunan. Pihak Audit juga mendapati terdapat pengasingan peranan antara Pengerusi dan Pengurus Besar.

4.5.3.3. Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama

Mengikut amalan terbaik, syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang serta perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Rancangan korporat penting bagi merangka strategi pelaksanaan serta membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif. Semakan Audit mendapati IPB tidak dapat menyediakan rancangan korporat jangka panjang disebabkan ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi global. Namun perancangan tahunan disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah selain Petunjuk Prestasi Utama disediakan oleh setiap bahagian.

4.5.3.4. Standard Operating Procedures

Standard Operating Procedures (SOP) merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalam terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. IPB mempunyai SOP berkaitan pengendalian *business meeting*, misi ke luar negara dan prosedur kewangan melibatkan pembayaran dan pembelian. Semakan Audit mendapati SOP misi ke luar negara tidak lengkap, tidak dikemas kini dan tidak mengikut

format SOP yang biasa diguna pakai. Manakala menurut IPB, SOP kewangan tidak dikaji semula sejak bulan Ogos 2010. Ketiadaan SOP yang lengkap dan kemas kini menyebabkan misi yang dilaksanakan serta perbelanjaan misi dibuat sebelum mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Pengarah. Sementara itu, SOP kewangan yang tidak dikaji semula menyebabkan kelemahan dalam kawalan dalaman berkaitan pengurusan bayaran.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

SOP berkenaan sedang dikaji semula dan diperbaiki.

4.5.3.5. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan dan berfungsi bagi menilai penemuan hasil pemeriksaan dalaman dan maklum balas oleh pihak pengurusan, menilai pelantikan juruaudit luar dan bayaran audit, berbincang dengan juruaudit luar sebelum pengauditan bermula serta membuat penilaian terhadap penyata kewangan yang disediakan secara suku tahun dan tahunan. Semakan Audit mendapati IPB tidak mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Di samping itu, bagi tahun 2013 hingga 2016 pengauditan dalaman tidak dijalankan.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

Perkara ini dibawa ke Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

4.5.3.6. Kelewatan Memproses Sebut Harga

- a. Mengikut SOP, sebut harga dari sekurang-kurangnya tiga syarikat hendaklah dipelawa bagi pembelian yang melebihi RM50,000. Skop dan spesifikasi sebut harga, tarikh tutup, masa, jumlah anggaran sebut harga dan tarikh dibuka perlu ditetapkan. Selain itu, sebut harga yang telah lengkap daripada pembekal boleh diserah melalui e-mel, penyerahan tangan, faks serta pos dan perlu sampai ke IPB atau pegawai bertanggungjawab pada atau sebelum tarikh tutup. Bagi tahun 2014 hingga bulan Ogos 2016, sebanyak 108 sampel baucar bayaran telah dipilih untuk semakan. Daripada jumlah tersebut, dua baucar bayaran bagi kerja menaik taraf pejabat *Penang CAT Centre* berjumlah RM128,531 dan penyediaan perkhidmatan video korporat berjumlah RM115,000 melibatkan perolehan melalui sebut harga.

- b. Semakan Audit terhadap dua sebut harga tersebut mendapati pemilihan kontraktor telah lewat dibuat iaitu sembilan dan 13 bulan. Di samping itu, kerja lewat disiapkan iaitu dua dan lima bulan. Pihak Audit mendapati surat pelantikan dan setuju terima tidak menetapkan syarat berkaitan denda dan perlanjutan masa sekiranya projek lewat disiapkan. Sementara itu, kontrak tidak disediakan antara IPB dan kontraktor.
- c. Semakan lanjut mendapati kaedah penghantaran sebut harga melalui e-mel dan faks adalah kurang sesuai kerana boleh menjelaskan status "SULIT" dokumen tersebut. Perkara ini boleh menyebabkan berlaku pendedahan maklumat sulit berkaitan sebut harga kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Maklum Balas IPB yang Diterima Pada 1 Mac 2017

SOP sebut harga sedang diperbaiki bagi mengambil kira teguran Audit. Kaedah penghantaran akan dipinda dan penetapan tempoh masa dibuat bagi mengelakkan kelewatan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan tadbir urus korporat IPB adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa aspek amalan terbaik dalam tadbir urus korporat tidak diamalkan.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Invest-In-Penang Berhad (IPB) dapat dipertingkatkan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut diberi perhatian:

- 4.6.1. mewujudkan kawalan dalaman pengurusan kewangan yang lebih baik dengan membuat semakan semula SOP sedia ada secara berkala; dan
- 4.6.2. Syarikat menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 seperti mewujudkan Jawatankuasa Audit bagi membantu Lembaga Pengarah memantau perjalanan syarikat dengan lebih berkesan.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

5.2.1. Pada Tahun 2016, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri.

5.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan empat pekeliling/surat arahan pada tahun 2016 bagi menambah baik pengurusan kewangan di semua peringkat Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

5.2.2.1. Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri mengenai anggaran perbelanjaan 2016.

5.2.2.2. Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri mengenai perbelanjaan secara berhemat bagi mengawal perbelanjaan awam dalam bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2016.

5.2.2.3. Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri mengenai garis panduan penyediaan cadangan anggaran bajet Negeri tahun 2017.

5.2.2.4. Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri bertujuan memaklumkan mengenai peraturan bagi penutupan akaun Kerajaan Negeri tahun kewangan 2016.

5.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain dari aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.3.2. Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007 dengan memberi penarafan empat bintang kepada Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang. Bermula tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah memberi penarafan lima bintang kepada Jabatan/Agensi Negeri yang cemerlang seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN
KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2016**

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 - 100	Cemerlang	
80 – 89.9	Baik	
70 – 79.9	Memuaskan	
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2016

5.4. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

5.4.1. struktur dan sistem kawalan dalaman terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;

5.4.2. pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan

5.4.3. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan wajib dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2016, pengauditan telah dijalankan terhadap sepuluh Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak dokumen kewangan dan rekod berkaitan bagi tahun 2016 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Di samping itu, analisis dibuat terhadap Penyata Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2015 bagi menentukan kedudukan prestasi kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dan semakan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan untuk perakuan pengesahan maklumat yang diperoleh daripada semakan Audit. Jabatan/agensi Negeri yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.2
JABATAN/AGENSI NEGERI YANG DIAUDIT BAGI TAHUN 2016**

BIL.	JABATAN / AGENSI
JABATAN	
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
3.	Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
6.	Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
7.	Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
BADAN BERKANUN NEGERI	
8.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
9.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang
MAJLIS AGAMA ISLAM	
10.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

5.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi sepuluh Jabatan Negeri adalah berdasarkan pencapaian pengurusan kewangan elemen seperti berikut:

5.6.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanannya Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1. Struktur Organisasi

Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemas kini. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas mengikut Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, 69, 101 dan 102 adalah berkaitan; dan
- c. perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007.

5.6.1.2. Sistem dan Prosedur

Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. proses kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan dan sentiasa dikemas kini dalam Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- b. senarai tugas disediakan dan sentiasa dikemas kini mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- c. pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik dari semasa ke semasa terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan (termasuk perakaunan Aset Awam) bagi memastikan prosedur yang betul sentiasa diikuti. Perihal mengenai kewajipan yang diperiksa dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut; dan
- d. pemeriksaan mengejut mengikut AP 309 dijalankan oleh Ketua Jabatan sahaja secara berkala tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil

pemeriksaan tersebut perlu direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

5.6.1.3. Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa; bermesyuarat setiap tiga bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sementara itu, tanggungjawab Ketua Jabatan ialah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap Pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan

kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri perlu merancang dan melaksanakan pusingan tugas mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

5.6.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat kriteria utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan serta analisis bajet dan pelaporan mengenainya adalah seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2016 oleh setiap jabatan dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2015. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan ditetapkan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2016. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran

peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kini dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

5.6.2.4. Analisis Bajet

a. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek Negeri Pulau Pinang (SPPN) atau kaedah lain yang diterima pakai serta impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

b. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan

Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.6.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kawalan terimaan, perakaunan terimaan/hasil dan Akaun Belum Terima seperti berikut:

5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap lima kriteria kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang melibatkan kebenaran/kelulusan menerima kutipan, keselamatan semasa kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

5.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap

penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

5.6.3.5. Akaun Belum Terima

Mengikut Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang Bil. 4 Tahun 2016, semua Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Penyata Tunggakan Hasil dan mengemukakan kepada Unit Hasil Negeri dengan salinannya kepada Pengarah Audit Negeri sebelum atau pada 3 Januari 2017. Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

5.6.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.4.1. Perakaunan

Surat Pekeliling Pegawai Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2012 menghendaki laporan-laporan yang dijana melalui sistem difaikkan mengikut penjenisan untuk memudahkan rujukan dan penyemakan. AP 95(e) pula menjelaskan Buku Vot Elektronik hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia dengan menurunkan tandatangan ringkas. Tanggungan dan perbelanjaan dicatat dengan betul. Selain itu, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan hendaklah disediakan dengan lengkap, tepat dan betul serta dikemukakan ke Jabatan Kewangan Negeri pada setiap bulan iaitu tidak lewat daripada sepuluh hari bulan berikutnya.

5.6.4.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; had kuasa, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

5.6.5. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi memastikan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua kriteria utama kawalan perolehan iaitu perancangan perolehan dan kaedah perolehan meliputi pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender dan kontrak.

5.6.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

5.6.6.1. Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Jabatan/Agensi Negeri daripada segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993;
- b. Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992;
- c. Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993; dan
- d. Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang

ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2013.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

5.6.7. Pengurusan Aset dan Stor

Perolehan aset dan stok perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

5.6.7.1. Kawalan Umum

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 1.1 : Pendahuluan Pengurusan Aset, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 (Tatacara Pengurusan Stor) pula mengehendaki Pegawai Stor dilantik bagi memastikan pengurusan Stor Kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan.

5.6.7.2. Penerimaan

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.2 : Penerimaan, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Antara tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh Pegawai Penerima. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen

penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

5.6.7.3. Pendaftaran

1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.3 : Pendaftaran, menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.4: Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab;
- b. pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya dua Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri bersama Laporan Eksekutif Pengurusan Aset di mana berkenaan; dan
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api. Penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.

Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan. Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.7.5. Penyelenggaraan

Bagi memastikan aset diselenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyelenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyelenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyelenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyelenggaraan dinilai dan penyelenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.5: Penyelenggaraan adalah berkaitan.

5.6.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.6 : Pelupusan, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Perakuan pelupusan aset itu hendaklah disahkan oleh dua orang pegawai yang mempunyai tiga tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskini.

5.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) AM 2.7: Kehilangan dan Hapus Kira, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal.

5.6.8. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Bagi memastikan kenderaan diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

5.6.8.1. penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api;

5.6.8.2. penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan;

5.6.8.3. Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan;

5.6.8.4. kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;

5.6.8.5. notis kesalahan lalu lintas direkodkan dalam Buku Log oleh Pegawai Kenderaan dan penyelesaian saman tertunggak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan; dan

5.6.8.6. kenderaan perlu diselenggarakan secara berjadual, manakala kos penyelenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

5.6.9. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

5.6.9.1. Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

5.6.10. Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan. Surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri [JKNPP/(S)/07/14/32/1 Jld.6 (1)] pada


tahun 2009 menghendaki penyata kewangan dikemukakan ke Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun berikutnya.

5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Berdasarkan sampel yang diaudit, pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi sepuluh Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah **Baik**. Sebanyak lapan Jabatan/Agensi telah mendapat penarafan tahap **Cemerlang** dan dua Jabatan pada tahap **Baik**. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap **Memuaskan, Kurang Memuaskan** atau **Tidak Memuaskan**. Bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap **Cemerlang** lima bintang iaitu 90 markah ke atas pada tahun 2016 adalah bersamaan dengan tahun 2015. Tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2016 adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN
INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1 Jabatan Negeri

- a. Semakan Audit di enam Jabatan mendapati secara umumnya satu kawalan iaitu Kawalan Bajet adalah pada tahap **Cemerlang**. Sebanyak lima Jabatan telah mencapai tahap **Cemerlang** bagi Kawalan Pengurusan manakala satu lagi Jabatan berada pada tahap **Baik**. Bagi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Pengurusan Kenderaan, lima Jabatan berada pada tahap **Cemerlang** manakala satu Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Sementara bagi Kawalan Perbelanjaan dan Perolehan, empat Jabatan berada pada tahap **Cemerlang** manakala dua Jabatan berada pada tahap **Baik**. Bagi kawalan terimaan, empat Jabatan berada pada tahap **Cemerlang**, satu Jabatan pada tahap **Baik** dan satu lagi jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Selain itu, bagi Pengurusan Aset dan Stor, satu Jabatan berada pada tahap **Cemerlang**, dua jabatan berada pada tahap **Baik** dan tiga lagi jabatan berada pada tahap **Memuaskan**. Bagaimanapun, tindakan sewajarnya telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.2
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI ENAM JABATAN TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:
- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) tidak membincangkan perkara seperti yang ditetapkan dalam pekeliling;
 - ii. kata laluan pegawai digunakan semasa ketiadaan pegawai;
 - iii. pengesahan penerimaan barang dilakukan oleh pegawai yang tidak dilantik secara bertulis sebagai Pegawai Penerima;
 - iv. resit terimaan mel tidak dikeluarkan pada hari yang sama;
 - v. aset tidak didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan; dan
 - vi. pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.

5.7.2.2. Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri

Analisis terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan bagi Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri pula mendapati secara umumnya, empat kawalan utama adalah pada tahap **Cemerlang** iaitu bagi Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman. Tiga agensi telah mencapai tahap **Cemerlang** bagi Kawalan Bajet manakala satu lagi Agensi berada pada tahap **Baik**. Bagi Penyata Kewangan, tiga Agensi berada pada tahap **Cemerlang** dengan satu lagi Agensi berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Kawalan Pengurusan pula, dua Agensi berada pada tahap **Cemerlang** manakala dua lagi Agensi berada pada tahap **Baik**. Sementara bagi Pengurusan Aset dan Stor, tiga Agensi berada pada tahap **Baik** manakala satu lagi Agensi berada pada tahap **Memuaskan**. Kedudukan tahap pencapaian adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
BAGI JABATAN KEWANGAN NEGERI DAN TIGA AGENSI NEGERI TAHUN 2016




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit

5.7.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri

5.7.3.1. Pada tahun 2016, sepuluh Jabatan/Agenzi Negeri telah dilaksanakan sekurang-kurangnya dua kali pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tempoh 2012 hingga 2016. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya mengekalkan prestasi **Cemerlang** dengan markah 96.16% pada tahun 2016. Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit berdasarkan pusingan iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang berjaya meningkat daripada tahap **Baik** kepada tahap **Cemerlang** pada tahun 2016. Adalah didapati prestasi Jabatan/Agenzi Negeri lain menurun sedikit daripada segi pemarkahan, sungguh pun masih mengekalkan kedudukan di tahap **Cemerlang**. Kedudukan tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.4
TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN
BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI BAGI JABATAN/
AGENSI NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN PENGAUDITAN SEBELUMNYA



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3.2. Bagi Jabatan/Agenси Negeri seperti Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, pencapaian pada tahun 2016 adalah merupakan usaha gigih yang ditunjukkan oleh Jabatan/Agenси Negeri berkenaan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan. Analisis Audit menunjukkan antara punca peningkatan markah dan tahap pencapaian pengurusan kewangan ialah tindakan pembetulan yang diambil oleh Jabatan/Agenси terhadap aspek kawalan seperti Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Terimaan serta Pengurusan Aset dan Stor. Isu-isu seperti Manual Prosedur Kerja tidak lengkap dan kemas kini, mesyuarat JPKA tidak membincangkan perkara seperti yang ditetapkan dalam pekeliling, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dengan tepat, kunci peti sebut harga hanya dipegang oleh seorang pegawai kanan,

Borang Jadual Sebut Harga tidak diisi dengan lengkap dan resit lewat dikeluarkan telah dapat diatasi sepenuhnya. Selain itu, dari segi pengurusan aset pula, penerimaan aset dan barang stor, penyediaan Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stor, perekodan barang-barang stor, penyelenggaraan aset, pelabelan aset, kawalan pergerakan aset serta pengurusan kehilangan aset telah diambil tindakan.

5.8. PENG AUDITAN MENGEJUT

5.8.1. Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agenzi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/Agenzi.

5.8.2. Pada tahun 2016, Pengauditan Mengejut telah dijalankan terhadap 12 Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Hasil pengauditan mendapati dua Jabatan iaitu Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah Dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya telah mematuhi semua peraturan dan prosedur utama berkaitan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, sepuluh Jabatan/Pejabat lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ketua Jabatan/Pejabat Negeri yang berkaitan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Antara hasil penemuan Pengauditan Mengejut yang dijalankan pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.3
PENEMUAN AUDIT HASIL PENG AUDITAN MENGEJUT BAGI TAHUN 2016**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
1.	Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja tanpa surat kuasa daripada Ketua Jabatan. ii. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam bulan sekali. iii. Hasil pemeriksaan mengejut tidak direkodkan dengan lengkap. iv. Surat kuasa Pegawai Pengawal tiada dalam simpanan.
2.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Timur Laut	<ul style="list-style-type: none"> i. Buku Tunai tidak dapat dicetak disebabkan <i>ID</i> pegawai tidak dapat digunakan/diakses. ii. Tiada bukti semakan ke atas cetakan slip bank. iii. Peti besi tidak dapat dibuka kerana nombor kombinasi disimpan oleh pegawai yang telah bertukar. iv. Baki fizikal stok Borang Hasil tidak sama dengan baki di Daftar Borang Hasil. v. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan. vi. Surat kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang memegang kunci peti besi. vii. Wang kutipan tidak disimpan di dalam peti besi tetapi sebaliknya disimpan dalam laci berkunci di bilik pegawai. viii. Hasil pemeriksaan mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PENEMUAN AUDIT
3.	Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Selatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Baki fizikal stok Borang Hasil tidak sama dengan baki di Daftar Borang Hasil. ii. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Daftar Setem tidak dikemas kini dan tiada pengesahan Ketua Jabatan. iv. Kod kombinasi peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja. v. Pemeriksaan mengejut dilaksanakan sehingga Disember 2014 sahaja. vi. Baukar dan dokumen sokongan tidak dicop ‘TELAH BAYAR’. vii. Baukar dan dokumen sokongan tidak dicop tarikh terima. viii. Daftar Bil tidak diselenggarakan. ix. Tuntutan Panjar Wang Runcit telah dibuat melebihi amaun yang dicatatkan pada bil.
4.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang nombor kombinasi peti besi tidak diberikan kuasa secara bertulis.
5.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Baki fizikal stok setem tidak sama dengan baki di Daftar Setem. iii. Tiada pengesahan Ketua Jabatan di Daftar Setem bagi terimaan dan pengeluaran setem. iv. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam bulan sekali. v. Hasil pemeriksaan mengejut tidak direkodkan dengan lengkap. vi. Buku Vot tidak disemak sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia.
6.	Pejabat Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah	<ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat bil Panjar Wang Runcit yang belum dikemas kini dalam sistem. ii. Tiada pengesahan Ketua Jabatan di Daftar Setem bagi terimaan dan pengeluaran setem selepas April 2016. iii. Pegawai yang membatalkan resit tidak diberikan kuasa secara bertulis.
7.	Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.
8.	Pejabat Renjer Hutan Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Resit Rasmi tidak dikeluarkan pada hari yang sama. ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan. iii. Kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja tanpa surat kuasa daripada Ketua Jabatan. iv. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam bulan sekali.
9.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat kuasa dikeluarkan kepada pegawai yang dilantik bagi mengendalikan Wang Untuk Dibahagi- bahagikan.
10.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan lewat dibankkan. ii. Tiada bukti semakan ke atas cetakan slip bank. iii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit tidak dipamerkan. iv. Tiada surat kuasa secara bertulis dikeluarkan kepada pegawai yang memegang kunci peti besi. v. Pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 sebahagian besarnya telah menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan pengurusan kewangan masing-masing, adalah disyorkan Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 5.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;
- 5.9.2. mewujudkan mekanisme pemantauan yang teratur dan memastikan pemeriksaan berkala dibuat terhadap kerja pegawai bawahan;
- 5.9.3. menyelia dengan lebih rapi tugasan pegawai bawahan yang terlibat dengan urusan kewangan dan memastikan bimbingan dan latihan yang sewajarnya diberikan kepada mereka;
- 5.9.4. kelemahan dalam pengurusan aset dan stor perlu diberi perhatian yang lebih serius; dan
- 5.9.5. latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
■ Tel : +603 8889 9000
■ Faks : +603 8888 9721